

BAB 2

MEDIA DALAM PENDIDIKAN ISLAM AWAL KANAK-KANAK

2.1 Pendahuluan

Media ialah perantara dalam menyampaikan maklumat iaitu merupakan saluran untuk manusia berkomunikasi atau berhubung. Media juga menjadi perantara untuk pihak pemberi iaitu guru menyampaikan maklumat kepada penerima maklumat iaitu para pelajar.¹ Media yang digunakan oleh guru di sekolah biasanya dikenali sebagai media pendidikan atau sering disebut sebagai alat perantara atau alat bantu mengajar.²

Pada awal sejarah pembelajaran, media hanyalah merupakan alat bantu yang digunakan oleh seorang guru untuk menerangkan pembelajaran. Alat bantu yang mula-mula digunakan ialah alat bantu visual iaitu berupa sesuatu yang memberikan pengalaman visual kepada pelajar dan juga mampu memperjelaskan dan mempermudah konsep abstrak.³ Maka secara definitif, media ialah segala sesuatu yang dapat digunakan untuk menyampaikan pesan dari si pengirim ke penerima sehingga dapat merangsang fikiran, perasaan, perhatian dan minat para pelajar terhadap pembelajaran.⁴

Manakala media pendidikan juga disebut sebagai teknologi pendidikan. Teknologi dalam pendidikan didefinisikan oleh Majlis Teknologi Pendidikan, United Kingdom sebagai pembentukan, penerapan, penilaian sistem, teknik dan bantuan bagi memperbaiki keberkesanan serta kecekapan pengajaran dan latihan.⁵ Teknologi dalam

¹ Moh. Roqib, M, Ag, *Ilmu Pendidikan Islam*. (Yogyakarta : LKis Yogyakarta, 2009), 69.

² Abd. Ghafar Md. Din, *Prinsip dan Amalan Pengajaran*. (Kuala Lumpur: Utusan Publication, 2003), 65.

³ Rudi Susilana, *Ilmu dan Aplikasi Pendidikan*. (Jakarta : PT Imperial Bhakti Utama, 2007), 206.

⁴ Moh. Roqib, M, Ag, *Ilmu Pendidikan Islam*. 70.

⁵ Mahzan Arshad, *Pendidikan literasi bahasa Melayu*.(Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd, 2008), 118.

pendidikan bertujuan untuk memperbaiki pencapaian serta melicinkan proses pengajaran dan pembelajaran pelajar di bilik darjah atau kelas.

Selain itu, Kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam kelas adalah sangat penting dalam memastikan maklumat yang ingin disampaikan oleh seseorang guru itu diterima oleh para pelajar dengan sempurna. Syarifah Alwiah Alsagoff⁶ mengatakan bahawa kaedah mengajar ialah peredaran ke arah satu tujuan pengajaran yang telah dirancang dengan teratur. Menurut Asmah Haji Ahmad, pengajaran merupakan kegiatan tersusun yang dibuat khusus untuk murid-murid dengan tujuan membawa perubahan ke dalam diri mereka.⁷

Manakala menurut Abu Saleh⁸ kaedah mengajar itu ialah satu aktiviti pengajaran yang mengandungi langkah-langkah yang tersusun dan dalam tiap-tiap langkah itu pula mempunyai kemahiran dan latihan yang terancang. Pada pandangan beliau, kaedah mengajar bukanlah tujuan utama pengajaran, tetapi ia merupakan *wasilah*, iaitu satu jalan untuk mencapai objektif pengajaran. Justeru, wasilah yang difahami ialah media yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran khususnya kepada pendidikan awal kanak-kanak.

Justeru boleh dikatakan bahawa, penggunaan media pendidikan dan pengajaran, alat bantu mengajar ataupun teknologi pendidikan dalam pendidikan mempunyai dua matlamat: pertama, untuk mempertingkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran khususnya Pendidikan Islam, dan yang kedua, untuk membolehkan guru-guru dan

⁶ Sharifah Alwiah Alsagoff, *Ilmu pendidikan: pedagogi*. (Kuala Lumpur: Heinemann, ctk. 4,1986), 3.

⁷ Asmah Haji Ahmad, *Pedagogi 1* (Kuala Lumpur: Longman Malaysia Sdn Bhd, 1989), 7.

⁸ Abu Saleh, Muhibuddin Ahmad, *Asasiyat fi turuq at-tadris al-`ammah*. (Riyadh: Dar Al-Huda, 1988), 49.

pelajar-pelajar berinteraksi sebagai insan dalam suasana di mana mereka boleh mengawal persekitaran mereka dengan tujuan yang baik.⁹

2.2 Konsep Media Dalam Pendidikan

Media merupakan saluran yang digunakan oleh manusia untuk berkomunikasi dan berhubung. Media mempunyai beberapa definisi atau pengertian. Media boleh didefinisikan sebagai penyampai atau pembawa maklumat antara punca dan penerima seperti filem, radio, gambar foto, risalah, poster dan sebagainya.¹⁰ Media juga menjadi perantara di antara pihak yang menyampaikan maklumat dan pihak yang menerima maklumat. Manakala media pendidikan pula memberi maklumat untuk tujuan pengajaran atau pendidikan.¹¹ Jika media digunakan untuk tujuan pengajaran sama ada dalam pendidikan atau latihan, maka ia menjadi media pengajaran.¹² Ada pula yang menyatakan media itu ialah televisyen, radio, slide dan sebagainya. Sesetengah orang mentakrifkan media itu meliputi media baru seperti video, komputer dan lain-lain media telekomunikasi dan media lama seperti papan hitam, carta dan sebagainya.¹³ Oleh yang demikian semua benda ataupun alat yang digunakan untuk menyampaikan pengajaran kepada para pelajar dinamakan media. Contoh media termasuklah televisyen, radio, gambar foto, bahan bercetak, komputer dan pengajar.

Media yang juga disebut bahan bantu mengajar (BBM) merupakan salah satu elemen yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran termasuklah Pendidikan Islam.¹⁴ Oleh yang demikian, bahan bercetak, komputer dan apa sahaja yang boleh menyampaikan mesej pengajaran dinamakan sebagai media. Malah alat permainan

⁹ Kassim Bin Abbas, *Media dalam Pendidikan*. (Perak: Penerbit Universiti Tanjong Malim, 2009), 2.

¹⁰ Yusup Hashim, *Media Pengajaran Untuk Pendidikan dan Latihan* (Selangor: Penerbit Fajar Bakti, 1997), 2.

¹¹ Ab. Ghafar Md. Din, *Prinsip dan Amalan Pengajaran* (Kuala Lumpur: Utusan Publication, 2003),65.

¹² Yusup Hashim, *Media Pengajaran Untuk Pendidikan dan Latihan* , 3.

¹³ Yusup Hashim, *Media Pengajaran Untuk Pendidikan dan Latihan*,2.

¹⁴ Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri, *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. (Johor:Universiti Teknologi Malaysia, 2007), 190.


juga diklasifikasikan sebagai media kerana membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Bermain sambil belajar (menggunakan media permainan) akan dibicarakan secara khusus dalam topik seterusnya kerana bermain sambil belajar adalah ciri penting dalam pengajaran pembelajaran prasekolah di Malaysia. Justeru dapat disimpulkan dan didefinisikan dalam perbincangan ini bahawa media mencakupi peralatan dan perkakas (radio), bahan (slaid) atau kedua-duanya sekali. Peralatan atau bahan membawa konotasi yang sama iaitu media. Maka dalam bahasa yang mudah bolehlah dikatakan media sebagai peralatan dan bahan media yang dibina dan dirancang untuk tujuan menyampaikan maklumat atau pengetahuan.¹⁵

Dalam usaha memanfaatkan media sebagai alat bantu mengajar Edger Dale yang berjasa dalam pengembangan teknologi pembelajaran moden menghasilkan klasifikasi pengalaman menurut tingkat dari yang paling konkrit ke yang paling abstrak. Klasifikasi tersebut kemudiannya dikenali sebagai “Kon Pengalaman” (*Con Of Experience*) dalam menentukan media apakah yang paling sesuai untuk pengalaman belajar kanak-kanak.¹⁶

¹⁵ Yusup Hashim, *Media Pengajaran Untuk Pendidikan dan Latihan*, 2.

¹⁶ Cv. Rajawali *Media Pendidikan Pengertian, Pengembangan dan Manfaatnya* (Jakarta: Pustekom Dikbud dan CV Rajawali, 1986), 8.

Rajah 2.1 Kon Pengalaman Pembelajaran Dale



Rajah 2.1 di atas menunjukkan Kon Pembelajaran Dale yang boleh diaplikasikan oleh guru semasa memilih media yang sesuai kepada para pelajar. Berdasarkan kon tersebut dapat kita lihat tingkat-tingkat pengalaman yang bermula dari konkrit hinggalah ke abstrak. Justeru hal ini pastinya, memberikan implikasi terhadap pemilihan bahan pembelajaran khususnya dalam pengembangan media pendidikan.

Hal ini kerana umur pelajar menjadi faktor penting dalam pemilihan media, maka dalam konteks ini pengalaman pembelajaran Dale boleh digunakan sebagai sumber rujukan untuk memilih media. Dale menyenaraikan 12 jenis media yang ada hubungan dengan umur dan pengalaman pelajar. Pada umur yang paling rendah iaitu

awal kanak-kanak, media yang dicadangkan ialah manipulasi bahan yang sebenar.¹⁷ Ia merupakan pengalaman belajar melalui deria lihat, rasa dan lakukan.

Terdapat tiga tahap dalam kon pengalaman pembelajaran Dale iaitu persimbolan, pemerhatian dan juga penglibatan. Di bawah tahap persimbolan, kon pembelajaran Dale memecahkannya kepada dua bahagian iaitu simbol lisan dan juga simbol penglihatan atau simbol visual. Pada tahap kedua pula, Dale telah memecahkannya kepada 4 bahagian iaitu rakaman radio dan gambar, televisyen, pameran, lawatan serta demonstrasi atau tunjuk cara, manakala pada aras terakhir iaitu penglibatan, Dale memecahkannya kepada 3 peringkat iaitu lakonan/main peranan, penggunaan alat dan bahan sebagai model dan bercorak 3 dimensi serta pengalaman langsung.

Ketiga-tiga aras pengalaman belajar yang diutamakan oleh Dale mempunyai peranan dan fungsi yang tersendiri. Begitu juga dengan kaedah mengajar. Guru perlu bijak dan pandai untuk menyesuaikan setiap aras dengan bentuk pengajaran dan pembelajaran yang akan disampaikan kepada pelajar.


Bagi Briggs dan Wager (1981), jika pembelajaran tersebut berkaitan dengan kognitif seperti kemahiran intelek, maklumat berbahasa dan strategi kognitif, guru sewajarnya memilih media yang serendah mungkin dalam susunan Kon Dale asalkan media tersebut dapat membantu pembelajaran.¹⁸ Tetapi berbeza pula jika objektif pembelajaran itu adalah untuk membentuk sikap, Wager (1975) mencadangkan supaya pertalian Kon iaitu media dan umur itu dipakai secara terbalik.¹⁹

¹⁷ Yusup Hashim, *Media Pengajaran Untuk Pendidikan dan Latihan*, 165.

¹⁸ *Ibid.*

¹⁹ Yusup Hashim, *Media Pengajaran Untuk Pendidikan dan Latihan*, 166.

Rajah 2.2 Kon Pengalaman Pembelajaran Dale (terbalik untuk sikap).



Rajah 2.2 di atas menunjukkan Kon Pembelajaran Dale (terbalik) untuk membentuk sikap kanak-kanak. Dalam keadaan ini sikap kanak-kanak akan mudah dibentuk jika dia mendengar (simbol berbahasa) nasihat daripada orang yang lebih dewasa, dihormati dan berpengaruh. Manakala berbeza dengan orang dewasa yang mudah dibentuk jika melihat model yang sebenarnya atau melalui model dalam televisyen. Tetapi untuk mengubah sikap yang sedia ada, Wager berpendapat ia memerlukan pengalaman sebenar dan ini sesuai untuk kanak-kanak dan orang dewasa.²⁰

Di samping itu, media pendidikan juga boleh dikaitkan dengan teori komunikasi kerana proses pengajaran dan pembelajaran memerlukan interaksi yang baik antara guru dan pelajar untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan oleh guru

²⁰ Yusup Hashim, *Media Pengajaran Untuk Pendidikan dan Latihan*, 166.

akan berkesan dan diterima baik oleh para pelajar. Terdapat empat unsur asas dalam komunikasi iaitu sumber, penerima, mesej dan saluran.²¹

- a) Sumber ialah tempat bermulanya proses komunikasi. Sumber ini boleh jadi individu, kumpulan ataupun sesiapa sahaja yang memulakan komunikasi dan menghasilkan mesej. Dalam konteks ini sumber ialah guru yang menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran.
- b) Mesej adalah idea atau maklumat yang ingin dikongsi bersama oleh sumber dan penerima. Mesej mengandungi simbol-simbol *verbal*²² dan *non verbal*²³. Manakala dari sudut komunikasi dalam pendidikan pula boleh dikatakan bahawa mesej ialah isi kandungan pengajaran, iaitu apa sahaja kandungan yang disampaikan oleh guru sama ada dalam bentuk memberitahu, menaikkan semangat dan sebagainya.
- c) Saluran mesej pula ialah jalan yang dilalui oleh mesej untuk sampai daripada sumber kepada penerima. Saluran adalah berbeza mengikut komunikasi. Dalam komunikasi pendidikan, media pendidikan digunakan untuk menyalurkan mesej seperti peralatan fizikal berbentuk elektrik atau mekanikal yang membolehkan mesej dipersembahkan kepada pelajar misalnya komputer, buku dan gambar foto.
- d) Penerima ialah individu, kumpulan atau orang ramai yang merupakan sasaran mesej.²⁴ Sumber boleh jadi penerima dan sebaliknya. Penerima dalam kontek

²¹ Saodah binti Wok Awang, Narimah binti Ismail dan Mohd. Yusof Hussain, *Teori-Teori Komunikasi* (Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing, 2003), 10.

²² *Verbal* ialah perkataan yang disampaikan dalam bentuk konkrit ataupun abstrak seperti marah.


²³ *Non verbal* ialah symbol dalam bentuk air muka, gerak badan, nada suara, penampilan diri dan apa sahaja yang boleh menyokong komunikasi verbal.

²⁴ Saodah binti Wok Awang, Narimah binti Ismail dan Mohd. Yusof Hussain, *Teori-Teori Komunikasi*, 11.

komunikasi pendidikan ialah selalunya pelajar walaupun wujud interaksi dua hala antara pelajar dan guru.

Unsur-unsur asas dalam proses komunikasi dapat difahami dan dijelaskan dengan lebih ringkas melalui rajah di bawah.


Rajah 2.3 Aliran Proses Komunikasi.



Dalam menyampaikan maklumat dan pengajaran kepada para pelajar, terutamanya pelajar prasekolah, guru sewajarnya memilih media yang sesuai untuk memastikan pengajaran yang disampaikan mampu difahami dengan baik oleh kanak-kanak. Dengan menggunakan media pendidikan, komunikasi oleh guru atau pengajar, sebagai pihak yang menghantar maklumat ataupun sumber dalam komunikasi, dengan pelajar yang menerima maklumat akan lebih menjadi mudah dan berkesan.²⁵

²⁵ Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri, *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*, 66

Rajah 2.4: Model pendekatan bersistem penggunaan media²⁶.



Berdasarkan Rajah 2.4 di atas, seorang guru atau pendidik sepatutnya melihat dan merancang penggunaan media secara bersistemik dan sesuai dengan tahap golongan sasar iaitu kanak-kanak yang baru berusia dalam lingkungan empat hingga enam tahun. Sebagai contoh seorang guru seharusnya mengetahui objektif-objektif yang hendak dicapai dalam proses pengajaran dan pembelajaran agar penggunaan media sesuai dan berkesan dengan tahap para pelajar. Tambahan lagi, guru juga harus memilih pengalaman pembelajaran yang boleh membantu pelajar mencapai matlamat yang telah ditentukan. Berbagai-bagai pengalaman pembelajaran boleh disediakan oleh guru seperti pengalaman mendengar suara binatang buas, kemahiran melukis dan kemahiran mengira. Manakala kaedah pengajaran dan pembelajaran juga sangat penting kerana ia

²⁶ Brown, Lewis, Harclerod, *AV Instruction: Technology, Media Methods* (New York: McGraw Hill Inc, 1977), 5.

boleh membantu dalam mencapai tujuan pengalaman pembelajaran yang telah dipilih. Sebagai contoh guru telah menggunakan kaedah kumpulan kecil dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Menurut Kassim Bin Abbas, terdapat tujuh langkah-langkah spesifik dalam menentukan pemilihan media pendidikan. Tujuh langkah tersebut ialah²⁷:

- a) Tentukan objektif-objektif dan pilih isi pengajaran.
- b) Pilih pengalaman pembelajaran yang sesuai mengikut setiap individu.
- c) Pilih satu atau lebih dari satu kaedah pengajaran dan pembelajaran untuk mendapatkan pengalaman pembelajaran.
- d) Tentukan peranan kakitangan
- e) Pilih kemudahan fizikal untuk pengalaman pembelajaran
- f) Nilai hasilnya dan cadangkan langkah-langkah memperbaiki untuk masa hadapan

Kesimpulannya media adalah sangat penting dalam proses pengajaran. Guru seharusnya bijak untuk menyesuaikan media dengan tahap kanak-kanak dan merancang terlebih dahulu aktiviti pengajaran yang ingin dilaksanakan. Kehebatan media bukanlah diukur kepada kecanggihan teknologi yang digunakan tetapi sejauhmanakah media yang digunakan oleh guru mampu memberi kefahaman kepada para pelajar. Sesungguhnya media pendidikan ini telah lama wujud dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam Islam.²⁸ Sejak zaman Islam lagi, media telah diperkenalkan oleh Rasulullah ketika mendidik para sahabatnya.²⁹ Hanya zaman yang membezakan kecanggihan media tetapi pada matlamatnya adalah sama dengan apa yang digunakan sekarang.

²⁷ Kassim Bin Abbas, *Media dalam Pendidikan*, 3.

²⁸ Abdurrahman An-Nahlaw, *Pendidikan Islam Di Rumah*, Sekolah dan Masyarakat (Jakarta: Gema Insani, 1995), 136.

²⁹ *Ibid.*, 275.

2.3 Pendidikan Islam

Sejarah perkembangan Pendidikan Islam di Tanah Melayu pula pada awalnya berlangsung dalam bentuk tidak formal berbeza dengan zaman sekarang yang mempunyai sistem yang tersendiri. Pendidikan tidak formal berkembang seiring dengan penyebaran Islam di Tanah Melayu yang dibawa oleh pedagang-pedagang Arab dan India yang beragama Islam dan mereka merupakan pelopor kepada usaha pendidikan bukan formal iaitu dengan cara membina sekolah-sekolah pondok di Perlis, Kedah, Melaka, Terengganu, Kelantan dan Brunei.³⁰ Selain sekolah pondok yang diwujudkan sebagai tempat khusus untuk pengajian agama Islam, pengajian juga dilakukan di surau dan masjid pada waktu malam untuk memberi ruang kepada pekerja yang membanting tulang pada siang hari.

Manakala pada zaman pemerintahan British pula, telah diwujudkan lima jenis persekolahan iaitu sekolah vernakular Melayu. Sekolah vernakular Cina, sekolah vernakular Tamil, sekolah Inggeris dan sekolah agama Madrasah. Kelima-lima aliran ini disebabkan oleh dasar *laissez-faire*³¹ dalam bidang pendidikan yang diamalkan oleh British. Kewujudan lima jenis aliran ini menyebabkan berlakunya ketidakseragaman

³⁰ Sufean Hussin, *Pendidikan Di Malaysia Sejarah Sistem dan Falsafah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008), 2

³¹ Ungkapan bahasa Perancis yang bermaksud "biarkan." Mula-mulanya digunakan oleh fisiokrat abad ke-18 sebagai injunksi menentang campur tangan kerajaan dalam perdagangan, istilah ini menjadi bersinonim dengan ekonomi pasaran bebas sejati. *Laissez-faire* secara amnya difahami sebagai satu doktrin yang menegaskan bahawa inisiatif dan pengeluaran swasta paling baik bebas daripada campur tangan ekonomi dan pencukaaian oleh kerajaan selain apa yang perlu untuk menjamin kebebasan individu, keamanan, keselamatan, dan hakmilik harta. *Laissez-faire* disokong oleh para pendukung libertarianisme, liberalisme klasik, neoliberalisme, minarkisme dan Objektivisme. Golongan libertarian berhujah bahawa pasaran bebas menghasilkan lebih banyak kemakmuran dan kebebasan peribadi berbanding sistem ekonomi lain. Aliran ekonomi Austria dan Chicago merupakan antara jenis *laissez-faire* yang utama. Pengikut anarki pasaran melampaikan idea *laissez-faire* dengan menentang segala pencukaaian, dan lebih gemar undang-undang dan perintah dibiayai oleh sektor swasta.

dalam sistem pendidikan dan merumitkan kerajaan untuk mencapai hasrat integrasi nasional.³²

Selepas kemerdekaan iaitu pada tahun 1957 kerajaan Malaysia telah menyusun semula sistem pendidikan ke arah mewujudkan sistem baru bagi mencapai matlamat membina sebuah masyarakat yang bersatu padu dan mempunyai identiti tersendiri sebagai bangsa Malaysia. Antara pembaharuan yang dilakukan dalam sistem pendidikan ialah dasar pendidikan bagi membentuk sekolah yang dapat mendukung semangat kebangsaan, organisasi pentadbiran pendidikan yang diselaraskan dengan baik bermula dari peringkat sekolah, negeri dan pusat, struktur dan penjenisan sekolah pada peringkat rendah dan menengah diselaraskan mengikut dasar yang ditetapkan oleh kerajaan, memperbaiki keadaan demokrasi dan ekuiti dalam pendidikan agar wujud keseimbangan penyertaan mengikut etnik dan kedudukan geografi.³³

Penerapan Pendidikan Islam terhadap anak-anak haruslah dimulai seawal mungkin. Hal ini kerana penerapan Pendidikan Islam akan membentuk insan yang berilmu, beriman, beramal, berakhlak dan berketerampilan ke arah memakmurkan alam ciptaan tuhan.³⁴ Justeru aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam yang berlangsung di prasekolah akan membantu kanak-kanak mengenali dan menghayati kehidupan secara Islam sesuai dengan peringkat kematangan mereka.³⁵ Aktiviti-aktiviti yang dirancang dalam kurikulum Pendidikan Islam prasekolah adalah

³² Nik Azis Nik Pa & Noraini Idris, *Perjuangan memperkasakan pendidikan di Malaysia: pengalaman 50 tahun merdeka* (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors, 2008), 613.

³³ Ahmad Kilani Mohamed, *Pengurusan Pendidikan Di Sekolah: Huraian Menurut Perspektif Islam* (Johor: Universiti Teknologi Mara, 2003), 33.

³⁴ Mazidah Muhamad, Dr. Noor Hisham MD Nawawi, *Indahnya didikan awal anak cara Islam*. (Selangor: PTS Millennia, 2011). 14.

³⁵ Nor Hashimah binti Hashim & Yahya Che Lah, *Panduan Pendidikan Prasekolah*. (Selangor : PTS Profesional Publishing Sdn Bhd, 2007), 63.

bertujuan membentuk akidah di dalam diri kanak-kanak, mengetahui cara-cara beribadat, mengetahui dan mengamalkan budi pekerti yang baik dan mulia, mengetahui dan mencontohi cerita-cerita dan sirah Rasulullah, membolehkan kanak-kanak mengenal huruf-huruf al-Quran dan dapat mengetahui, melafazkan dan mengamalkan doa-doa yang mudah.³⁶

Falsafah pendidikan di Malaysia ialah “suatu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.”³⁷ Manakala Pendidikan Islam pula ialah pendidikan yang berteraskan al-Quran dan al-Sunnah. Pendidikan Islam merupakan satu usaha untuk melahirkan pelajar-pelajar yang mempunyai ilmu berteraskan wahyu supaya dapat memahami tanggungjawab sebenar sebagai hamba Allah di muka bumi.³⁸ Pendidikan Islam terdiri dari dua rangkai kata iaitu “pendidikan” dan “Islam”. Pendidikan berasal dari perkataan didik yang bermaksud proses mendidik atau perihal mendidik. Dalam bahasa Arab terdapat beberapa istilah yang digunakan dalam mentakrifkan maksud pendidikan antaranya ialah *ta'lim*, *tarbiyyah* dan *ta'dib*.

³⁶ Rohani binti Abdullah, Nani binti Menon & Mohd Sharani bin Ahmad, *Panduan Kurikulum Prasekolah* (Selangor: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd, 2003), 231.

³⁷ Falsafah Pendidikan Kebangsaan, <http://upu.mohe.gov.my/portal/arkib/fpk.php>, 4 Mei 2012. 8

³⁸ Sufean Hussin, Shahril et.al (ed) *Pentadbiran Dalam pembangunan pendidikan* (PTS Profesional Publishing, Bentung, Pahang, 2005),371.

“Seseorang itu dilahirkan berdasarkan fitrahnya yang suci murni, maka selepas itu dia diwarnai oleh kedua-dua ibu bapanya, sama ada untuk menjadi Yahudi, Nasrani atau Majusi, seperti mana haiwan melahirkan haiwan.”

Hadith Riwayat Muslim³⁹

Hadith di atas memperlihatkan betapa pentingnya proses pendidikan awal kanak-kanak dalam menentukan warna yang akan dicorak ke atas diri mereka. Bentuk, warna dan corak yang diberikan kepada mereka akan menjadi asas kepada peribadi, sifat dan tingkahlaku apabila mereka dewasa kelak. Lantaran itu, Islam amat memandang berat terhadap proses pendidikan anak-anak sejak di alam rahim lagi.⁴⁰

Justeru adalah menjadi tanggungjawab kepada ibu bapa untuk mendidik dan membimbing anak-anak sejak awal kelahiran. Kanak-kanak perlu dibimbing dan dicorak dengan ilmu dan pengetahuan yang benar dalam melahirkan generasi yang seimbang dan mempunyai nilai peradaban yang tinggi. Nabi SAW bersabda yang bermaksud,

“Muliakanlah anak-anak kamu dan perelokkan adab mereka.”

(Hadith oleh Ibn Majah)⁴¹

Menurut Ibn Khaldun pula, manusia ialah makhluk berfikir dan mampu memahami serta memetik hal-hal yang berada di luar dirinya. Pada mulanya kemampuan itu masih lagi dalam bentuk potensi dan menjadi aktual (mencapai satu titik perkembangan) melalui *al-ta'lim* (pendidikan), *al-riyadat* (latihan) yang sesuai dengan gerak perkembangan fizikal dan mental.⁴² Kanak-kanak merupakan insan yang boleh dikategorikan sebagai rumit kerana mereka akan mudah bosan dengan kadar yang cepat. Ini kerana tahap ingin tahu mereka itu sentiasa datang bertubi-tubi dan perkara

³⁹ Al-Īmām al- Dīn Al-Nawāwī, *Sahīh Muslim bi Syarh* Al-Īmām Al-Nawāwī. *Kitab al-Qadr, Bāb Ma'nā Kullu Mawlūd Yūlad alā Fitrah*, no hadith 6697 (Beirut. Dār al-Ma'rifah, 1994), 425.

⁴⁰ Ubes Nur Islam, *Mendidik Anak Dalam Kandungan* (Jakarta : Gema Insani, 2008), 103

⁴¹ Ibn Majah, abu Abdullah Muhammad ibn Yazid, *Sunan ibn Majah*. (al-Babi al-Halabi. jil. 1,t.t) 171.

⁴² Juan Eduardo Camp, *The Muqaddimah, an Introduction to History*, (New York: Facts on File, 2009), 333-334.

yang kurang menarik perhatian mereka akan menjadikan mereka cepat bosan dan beralih ke perkara lain.⁴³ Mereka juga lebih gemarkan keadaan yang dilihat sebagai ceria dan menarik. Oleh itu, para ibu bapa dan guru-guru seharusnya memahami dan mengetahui latar pemikiran dan psikologi mereka untuk memastikan mesej pendidikan sampai dan difahami dengan baik.

Sejarah telah dicatatkan bahawa masyarakat Islam dahulu telah menekankan aspek pendidikan kepada anak-anak.⁴⁴ Perhatian yang diberikan oleh masyarakat dahulu kepada perkembangan pendidikan anak-anak telah mencapai tahap pemeliharaan hubungan yang rapat serta mesra antara mereka. Abdul Malik Ibn Maryam menasihati pendidik anak-anaknya;

*Ajarilah mereka kebenaran sebagaimana kamu mengajarkan al-Quran. Suruhlah mereka berpegang teguh dengan akhlak yang mulia. Dengarlah syair-syair supaya mereka menjadi gagah berani, ajaklah mereka duduk bergaul dengan orang mulia dan para ilmuwan.*⁴⁵

Justeru penekanan pendidikan awal kanak-kanak adalah sangat penting untuk menghasilkan generasi Islam yang berkualiti dan memahami Islam secara holistik. Islam telah menekankan beberapa pendekatan ataupun metodologi yang sesuai kepada kanak-kanak untuk membentuk mereka menjadi generasi pelapis yang mempunyai sifat taqwa yang tinggi kepada Allah. Antara metodologi pendidikan yang berkesan terhadap kanak-kanak ialah pendidikan melalui tauladan, pendidikan melalui kebiasaan, pendidikan

⁴³ Shahabuddin Hashim, Noor Miza Abdul Rahman, *Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Kerohanian Kanak-Kanak* (Selangor : PTS Media Groups Sdn Bhd, 2014), 43.

⁴⁴ Ahmad Syarifuddin, *Mendidik anak: membaca, menulis dan mencintai Al-Quran* (Jakarta: Gema Insani, 2008), 71.

⁴⁵ Abdullah Nasih 'Ulwan, *Pendidikan Anak-anak Menurut Pandangan Islam jilid 2* diterjemah oleh Panel Penterjemah Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2000), 1.

melalui nasihat, pendidikan melalui pemerhatian dan pendidikan melalui balasan dan denda.⁴⁶

i. Pendidikan Melalui Tauladan⁴⁷

Pendidikan melalui tauladan merupakan salah satu metode yang paling berkesan dalam penyediaan akhlak kanak-kanak dan juga dalam pembentukan mereka dari segi keperibadian dan kemasyarakatan. Ini kerana pendidik ataupun guru merupakan contoh tauladan yang terbaik dan teragong pada pandangan kanak-kanak. Ini kerana segala tingkah laku dan akhlak pendidik akan ditiru dan diikuti oleh mereka sama ada mereka sedari atau tidak.

ii. Pendidikan Melalui Kebiasaan

Islam menjadikan kebiasaan sebagai salah satu cara dalam pendidikan kanak-kanak. Melalui cara ini kebaikan akan menjadi kelaziman dan akan dilakukan tanpa berasa berat dan dipaksa.⁴⁸ Antara kebiasaan yang perlu dipupuk ialah menerima nilai-nilai iman, membiasakan melakukan ibadah seperti solat dan kebiasaan membaca Al-Quran dan juga doa sebelum memulakan sebarang aktiviti.⁴⁹ Pendidikan melalui kebiasaan juga merupakan usaha ataupun latihan atau indoktrinasi merubah tingkah laku kanak-kanak.⁵⁰

Kanak-kanak telah dibekalkan sejak awal kejadiannya lagi dengan fitrah ketauhidan yang luhur, fitrah keagamaan yang tegak lurus serta fitrah beriman dengan Allah tuhan sekalian alam. Hal ini bersesuaian dengan firman Allah;

Maksudnya: Maka hadapkanlah wajahmu dengan lurus kepada agama Allah; (tetaplah atas) fitrah Allah yang Telah menciptakan manusia

⁴⁶ *Ibid.*,

⁴⁷ Hamidah Sulaiman, Farrah Dina Yusop, *Mendidik Anak Genius* (Selangor: PTS Millennia, 2006), 11.

⁴⁸ Mahmood Zuhdi bin Hj. Abdul Majid, *Famili Harmoni* (Shah Alam : Karya Bestari, 2008), 183.

⁴⁹ *Ibid.*,

⁵⁰ Saayah Abu, *Menjadi Guru Tadika* (Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing, 2007), 104.

menurut fitrah itu. tidak ada perubahan pada fitrah Allah. (Itulah) agama yang lurus; tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.

Surah ar-Rum 30:30

Bertitik tolak dari hakikat inilah nampak peranan adat kebiasaan pengajaran dan pendidikan dalam pembentukan kanak-kanak dan dalam proses membekalkan mereka dengan ketauhidan yang luhur, akhlak yang mulia dan faktor alam sekitar yang baik. Maka tentu sekali mereka akan membesar dengan keimanan yang tulen, berakhlak dengan akhlak Islam dan sampai ke kemuncak kerohanian yang mulia.⁵¹

iii. Pendidikan Melalui Nasihat

Metode nasihat kepada kanak-kanak adalah penting untuk pembentukan keimanan, akhlak, kejiwaan dan kemasyarakatan. Ini kerana pengajaran dan nasihat mempunyai kesan yang besar dalam membuka pandangan anak-anak kepada hakikat-hakikat sesuatu benda, seperti yang terdapat dalam al-Quran. Firman Allah:

Maksudnya: Dan (Ingatlah) ketika Luqman Berkata kepada anaknya, di waktu ia memberi pelajaran kepadanya: "Hai anakku, janganlah kamu mempersekutukan Allah, Sesungguhnya mempersekutukan (Allah) adalah benar-benar kezaliman yang besar".

Surah Luqman 31:13

iv. Pendidikan Melalui Pemerhatian

Pendidikan melalui pemerhatian ialah mengikuti anak-anak dan mendampingi mereka dalam proses pembentukan akidah dan akhlak, mengawasi dan memerhati mereka secara berterusan dalam proses penyediaan keperibadian dan kemasyarakatan.⁵² Di samping itu, pendidikan dalam bentuk ini adalah antara teras yang utuh dalam usaha mewujudkan seorang insan yang seimbang yang dapat menyempurnakan segala tanggungjawab terhadap yang lain dalam hidup, yang mendorongnya agar bangkit melaksanakan segala

⁵¹ Abdullah Nasih 'Ulwan, Pendidikan Anak-anak Menurut Pandangan Islam jilid 2 diterjemah oleh Panel Penterjemah Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 438.

⁵² Wendy Bowkett dan Stephen Bowkett, *100 Panduan Membina Amalan yang Baik dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak* (Kuala Lumpur: Institut penterjemahan Negara Malaysia, 2012), 128.

beban seterusnya menunaikan segala kewajipan dengan penuh kesempurnaan dan penuh erti.⁵³ Antara contoh pemerhatian baginda s.a.w berhubung teguran baginda terhadap anak-anak ialah;

Al-Bukhari dan Muslim telah meriwayatkan dari Umar Ibn Abu Salamah r.a katanya: Aku dulunya seorang anak kecil yang yang berada di bawah jagaan Rasulullah s.a.w. dan tanganku di dulang makanan. Maka sabda Rasulullah s.a.w. kepadaku: wahai anak: bacalah Bismillah, makanlah dengan tangan kananmu, dan makanlah bermula dengan apa yang hampir denganmu!

(Al-Bukhari dan Muslim)

v. Pendidikan Dengan Cara Balasan dan Denda

Mengikut kebanyakan ulama Pendidikan Islam termasuklah Ibn Sina, al-Abdari dan Ibn Khaldun, seorang pendidik tidak harus mengenakan denda berbentuk siksaan kecuali dalam keadaan-keadaan yang terlalu terdesak. Ibu bapa dan guru tidak boleh memukul kecuali setelah mengugut beberapa kali dan memaafkannya beberapa kali. Ini adalah untuk memastikan supaya kesan yang diharapkan dalam memperbaiki perangai anak-anak dan dalam pembentukan akhlak serta peribadi dapat dicapai. Seseengah teori pendidikan moden menolak denda sebagai satu cara pendidikan terhadap kanak-kanak.⁵⁴

Abdullah Nasih Ulwan telah menukilkan tentang kaedah dalam mengenakan denda kepada kanak-kanak iaitu dengan terlebih dahulu mewujudkan suasana pergaulan yang lembut dan kasih sayang dengan anak-anak. Dan jika anak-anak melakukan kesalahan hendaklah mengenakan denda dan hukuman bersesuaian dengan tabiat semulajadi mereka. Di samping itu juga hukuman dan denda yang dilakukan hendaklah secara berperingkat-peringkat

⁵³ Abdullah Nasih 'Ulwan, Pendidikan Anak-anak Menurut Pandangan Islam jilid 2 diterjemah oleh Panel Penterjemah Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 559.

⁵⁴ Mahmood Zuhdi bin Hj. Abdul Majid, *Famili Harmoni* (Shah Alam : Karya Bestari, 2008), 183.

bermula dengan yang ringan kepada yang berat.⁵⁵ Manakala penghargaan perlu diberikan kepada anak yang memang layak diberi penghargaan. Sebagai contoh penghargaan diberikan kepada kanak-kanak yang berpuasa pada bulan Ramadhan atau menunaikan Solat Terawih.⁵⁶

Maka jelaslah bahawa Pendidikan Islam kepada awal kanak-kanak adalah penting dalam melahirkan generasi Islam yang hebat serta penerapan metodologi yang sesuai dalam proses pendidikan mereka.

2.4 Pendidikan Awal Kanak-Kanak di Malaysia

Konsep pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia adalah berdasarkan dua peringkat iaitu berdasarkan umur kanak-kanak. Peringkat yang pertama ialah Taman Asuhan Kanak-kanak atau Taska untuk kanak-kanak yang berusia bawah empat tahun. Peringkat kedua ialah Prasekolah atau Tadika untuk kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun. Bagi Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dan Jabatan Perpaduan, mereka menamakan program awal kanak-kanak sebagai Taman Bimbingan Kanak-kanak ataupun Tabika secara ringkas.⁵⁷

Pada tahun 1991 mesyuarat Jemaah Menteri telah mengarahkan Kementerian Pelajaran Malaysia melaksanakan program prasekolah oleh Kementerian Pelajaran Malaysia⁵⁸ kepada kanak-kanak yang berumur 4 hingga 6 tahun dalam jangkamasa satu tahun atau lebih. Pendidikan Prasekolah berkonsepkan “belajar sambil bermain” dengan menekankan “pembelajaran bertema” dan kaedah ini meliputi aktiviti kelas kumpulan

⁵⁵ Abdullah Nasih ‘Ulwan, Pendidikan Anak-anak Menurut Pandangan Islam jilid 2 diterjemah oleh Panel Penterjemah Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 613-617.

⁵⁶ Maria Ulfah Ansha, *Pendidikan Dan Pengasuhan Anak: Dalam Perspektif Jender* (Jakarta: Penerbit PT Gramedia Pustaka utama, 2005),46.

⁵⁷ Taman Bimbingan Kanak-kanak dicapai pada 30 Disember 2011
<http://www.kemas.gov.my/index.php/my/awam/pra-sekolah/tabika>.

⁵⁸ Shahizan Hasan & Ahmad Shahabudin Che Noh, *Panduan Merancang Aktiviti Pra Sekolah* (Selangor: PTS Profesional Pendidikan, 2005), 1.

dan individu. Antara objektif yang digariskan oleh kementerian terhadap pendidikan prasekolah ialah mempunyai sifat peribadi, perwatakan dan konsep diri yang positif untuk menjadi warganegara yang patriotik, menggunakan Bahasa Melayu dengan baik dan memperkembangkan kemahiran berbahasa untuk berkomunikasi, mengamalkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian untuk murid beragama Islam, mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian, mempunyai kemahiran kognitif, kemahiran berfikir dan kemahiran menyelesaikan masalah, mempunyai kemahiran emosi dan kemahiran sosial, mempunyai kecerdasan dan kemahiran fizikal serta mempraktikkan amalan kesihatan dan keselamatan yang baik, dan mempunyai daya kreativiti dan estetika untuk menghargai keindahan alam dan warisan budaya.⁵⁹

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang dulunya disebut Falsafah Pendidikan Negara (FPN) merupakan dasar kepada pendidikan di Malaysia. Hal ini bermakna, semua aktiviti pendidikan dan persekolahan di Malaysia mestilah selaras dengan FPK ini.⁶⁰ Dengan adanya FPK, maka sistem pendidikan negara sebenarnya menganjukkan diri ke kedudukan terkehadapan dengan mengungkapkan secara jelas prinsip dan nilai asas yang mendasari dan membentuk sistem pendidikan Malaysia daripada peringkat yang paling rendah hingga kepada peringkat tertinggi iaitu universiti. FPK menjelaskan tujuan dan matlamat pendidikan untuk individu dan negara. Kedua-dua tujuan selaras, iaitu untuk melahirkan insan yang berilmu, berakhlak mulia dan bertanggungjawab yang juga akan menjadi seorang warganegara yang baik. Pendidikan merupakan proses asas dan utama untuk pembinaan insan yang baik, seimbang dan

⁵⁹ Kurikulum Prasekolah Kebangsaan, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia 2001 dicapai pada 30 Disember 2011
http://www.moe.gov.my/bpk/sp_hsp/pras/sp_prasekolah.pdf

⁶⁰Salhah Abdullah, *Kecerdasan Pelbagai Aplikasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran* (Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn Bhd, 2009), 15.

bersepadu yang secara langsung merupakan saluran utama dan yang paling penting untuk menjayakan hasrat dan cita-cita negara. Berikut merupakan hasrat dalam FPK ;

*"Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, berketrampilan dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara."*⁶¹

Berdasarkan hasrat yang terkandung dalam FPK ini, dapatlah dirumuskan secara ringkas bahawa proses dan asas utama dalam pembinaan modal insan berkualiti yang baik, seimbang dan bersepadu secara langsung merupakan saluran utama untuk mencapai cita-cita Negara. FPK digubal berasaskan Penyata Razak, Laporan Rahman Talib, Akta Pelajaran 1961, Dasar Pelajaran Kebangsaan 1979 dan juga Rukun Negara.⁶² Tujuan dan matlamat pendidikan, secara jelas dinyatakan dalam FPK iaitu untuk melahirkan insan yang berilmu, berakhlak mulia dan bertanggungjawab serta menjadi warganegara yang baik.⁶³

2.4.1 Pembangunan kurikulum Prasekolah Islam

Proses yang diterima dan dipelajari oleh kanak-kanak perlu ada kesinambungan untuk memastikan setiap penerimaan pembelajaran adalah berterusan. Memandangkan proses perkembangan kanak-kanak berlaku secara berterusan, perlunya satu bentuk garis panduan kurikulum yang menunjukkan aktiviti yang lebih terancang dan relevan dengan tahap perkembangan mental kanak-kanak semasa. Menurut Dr Sharifah Maimunah bt.

⁶¹ Falsafah Pendidikan kebangsaan, Matlamat dan Misi <http://web.moe.gov.my/bpk/bsk/bpanduan/fpk.pdf> dicapai pada 30 Disember 2011, 3.

⁶² Yahya Do, *Kepimpinan pendidikan di Malaysia* (Kuala Lumpur: PTS Profesional Sdn Bhd, 2007), 2.

⁶³ Abdullah Sani bin Yahaya, *Mengurus Sekolah* (Pahang : PTS Profesional, 2005), 21

Syed Zin persediaan dan pengalaman awal kanak-kanak memerlukan kurikulum yang universal, terancang, dan mantap serta relevan dengan perkembangan semasa serta memenuhi keperluan individu dan negara. Selain itu, kurikulum prasekolah juga perlu mempertimbangkan kemampuan, keupayaan, kebolehan, dan kesediaan kanak-kanak mengikut tahap perkembangan mereka.

Konsep pendidikan prasekolah juga merujuk kepada falsafah pendidikan kebangsaan yang merupakan usaha berterusan untuk memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek, dan sosial (JERIS).⁶⁴ Konsep pendidikan prasekolah adalah program yang menyediakan pengalaman pembelajaran kanak-kanak berumur 4 hingga 6 tahun sebelum memasuki tahun satu di sekolah rendah kebangsaan dan sekolah rendah jenis kebangsaan cina atau tamil.⁶⁵ Manakala matlamat pendidikan prasekolah pula bertujuan untuk menyuburkan potensi kanak-kanak dalam semua aspek perkembangan, menguasai kemahiran asas dan memupuk sikap positif sebagai persediaan untuk masuk ke sekolah rendah.

Beberapa objektif pendidikan prasekolah yang telah ditentukan oleh Unit Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) untuk dicapai dalam usaha memperkembangkan potensi pelajar di peringkat umur 4 hingga 6 tahun. Berikut adalah objektif pendidikan prasekolah yang telah ditentukan oleh pihak kurikulum, KPM:⁶⁶

⁶⁴ Tan Ai Mei, *Panduan Kerja Kursus Ilmu Pendidikan: Idea, Contoh dan Aplikasi Teori* (Selangor: Oxford Fajar, 2010), 115.

⁶⁵ Dasar Pendidikan Prasekolah <http://www.moe.gov.my/my/prasekolah> dicapai pada 30 Disember 2011.

⁶⁶ Saayah Abu, Surayah Zaidon, Siti Saleha Samsuri, *Panduan Untuk Pengusaha Tadika* (Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn Bhd, 2006), 5-6

- 1) Mempunyai sifat peribadi, perwatakan dan konsep sendiri yang positif yang menjadi warganegara yang patriotik.
- 2) Menggunakan BM dengan betul dan memperkembangkan kemahiran berbahasa untuk berkomunikasi.
- 3) Menggunakan Bahasa Cina dan Bahasa Tamil dengan betul untuk berkomunikasi di sekolah yang menggunakan bahasa pengantar Bahasa Cina dan Bahasa Tamil.
- 4) Menggunakan bahasa Inggeris dalam interaksi seharian selaras dengan kedudukan sebagai bahasa kedua.
- 5) Mengamalkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian untuk murid beragama Islam.
- 6) Mengamalkan nilai-nilai murid dalam kehidupan seharian.
- 7) Mempunyai kemahiran kognitif, kemahiran berfikir dan kemahiran menyelesaikan masalah.
- 8) Mempunyai kematangan emosi dan kemahiran sosial.
- 9) Mempunyai kecerdasan dan kemahiran fizikal serta mempraktikkan amalan kesihatan dan keselamatan yang baik.
- 10) Mempunyai daya kreatif dan estetika untuk menghargai keindahan alam dan warisan budaya.

Berasaskan kepada objektif kurikulum prasekolah kebangsaan tersebut, objektif kelima memperlihatkan satu usaha yang murni untuk meningkatkan nilai-nilai Islam di kalangan murid-murid prasekolah yang beragama Islam. Usaha tersebut direalisasikan melalui pelaksanaan kurikulum berasaskan pengalaman beberapa komponen iaitu komponen bahasa dan komunikasi, komponen *English Language Curriculum*, komponen

perkembangan kognitif, dan komponen kerohanian dan moral.⁶⁷ Komponen kerohanian dan moral dilaksanakan melalui kurikulum Pendidikan Islam dan pengisiannya ke arah membentuk akidah, ibadah, sirah, dan akhlak. Manakala kurikulum untuk Pendidikan Moral pula menekankan aspek nilai berkaitan perkembangan diri, nilai berkaitan diri dan keluarga, dan nilai berkaitan dengan diri dan masyarakat.

Oleh itu, objektif ini perlu diperluaskan lagi untuk mempertingkatkan sahsiah dan peribadi serta pemikiran unggul dari aspek moral yang perlu dibina dari asas lagi. Objektif ini boleh diperluaskan dengan penubuhan prasekolah Islam seperti yang telah dilaksanakan oleh badan-badan berkanun, NGO dan orang perseorangan untuk memberikan input kerohanian di kalangan pelajar-pelajar prasekolah beragama Islam. Usaha ini telah dilakukan oleh individu-individu dan syarikat korporat tertentu untuk merealisasikan pengalaman nilai-nilai Islam dalam kehidupan umat Islam dari kecil hinggalah dewasa. Usaha ini telah direalisasikan dan lahirnya prasekolah seperti PASTI, TASKI, Tadika Islam MAIWP di bawah seliaan MAIWP sendiri dan prasekolah swasta yang lain seperti The Little Calips dan lain-lain lagi prasekolah yang berorientasikan Islam dan bermatlamat untuk mendidik anak-anak di peringkat umur 4 hingga 6 tahun dengan asas-asas kerohanian Islam.

Untuk memastikan kanak-kanak Islam membesar dalam situasi kerohanian Islam, maka perlunya satu garis panduan yang dirujuk berdasarkan peringkat perkembangan kanak-kanak. Untuk itu perlunya difahami peringkat perkembangan mengikut tatacara Islam di samping mengetahui peringkat perkembangan psikologi harian kanak-kanak. Untuk itu juga, Islam membahagikan peringkat perkembangan

⁶⁷ Saayah Abu Menjadi, *Guru Tadika* (Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn Bhd, 2007), 73

kanak-kanak kepada tiga peringkat iaitu sebelum *mumayyiz* ketika bayi dilahirkan sehingga berumur lima tahun, sesudah *mumayyiz* ketika enam hingga sembilan tahun dan peringkat *baligh* iaitu sekitar 9 hingga 15 tahun.⁶⁸ Mohd Salleh Lebar pula telah membahagikan perkembangan kanak-kanak kepada tiga peringkat iaitu peringkat bayi sehingga berumur dua tahun, peringkat awal kanak-kanak berumur dua hingga enam tahun dan peringkat lewat kanak-kanak berumur enam hingga 12 tahun.⁶⁹

Para ahli psikologi menyifatkan awal kanak-kanak sebagai usia yang sudah mula mahu menjelajah.⁷⁰ Mereka cenderung untuk mengetahui situasi lingkungannya sama ada benda yang mati atau benda yang hidup. Penjelajahan ini akan disertai perasaan ingin tahu dan mereka akan suka bertanya terhadap segala perkara yang ingin diketahuinya. Perkara yang penting dalam situasi usia awal kanak-kanak ini, mereka suka meniru percakapan atau perbuatan orang lain dan amat kreatif semasa bermain.⁷¹ Oleh itu, perlunya bentuk pendedahan kurikulum Islam di peringkat awal untuk membentuk mereka berfikir ke arah perlakuan murni bagi membentuk moral yang tinggi di kalangan mereka.

Rangsangan untuk mereka menerima sesuatu yang baru di prasekolah yang berlainan dengan apa yang dihadapi di rumah membolehkan mereka mudah menaakul pembaharuan yang dipelajari. Sesuatu nilai yang diajar mungkin akan memberikan lebih nilai murni andainya diberi penegasan setiap hari melalui perlakuan dan ajaran yang berlandaskan sistem pembelajaran yang menarik. Malahan, bagi anak-anak yang

⁶⁸ Abdullah Nasih 'Ulwan (t.t) *Tarbiyah al-Awlad fi al-Islam* , Juz 2. Beirut: Dar al-Salam, h.45

⁶⁹ Mohd Salleh Lebar (1994) *Asas Psikologi Perkembangan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, h. 90

⁷⁰ Jas Laile Suzana Jaafar, *Pengenalan Kepada Psikologi Kanak-Kanak Dan Remaja* (Shah Alam: Arah Pendidikan Sdn. Bhd. 2008), 124.

⁷¹ Nani Menon, *Permainan, Lagu & Puisi Kanak-Kanak* (Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd ,2007), 3.

bijak, pemikiran kognitif mereka boleh mentafsir dengan lebih cepat setiap amalan dan pergerakan yang dilakukan dan diterima di dalam kelas.

Kognitif merujuk pada intelek atau pemikiran individu termasuklah kanak-kanak. Ia memfokus kepada cara kanak-kanak belajar serta memproses maklumat bagi mengembangkan daya fikir dan membina pengetahuan. Perkembangan kemahiran berasaskan intelek ini melibatkan kemahiran berbahasa, imaginasi, mental, fikiran, penaakulan, penyelesaian masalah dan memori.⁷² Teori perkembangan dari sudut kognitif dikemukakan oleh Jean Piaget (1869-1980) yang merupakan seorang pakar biologi Switzerland dan pakar psikologi kanak-kanak yang telah banyak membuat kajian ke atas tingkah laku kanak-kanak.⁷³ Piaget membahagikan perkembangan kognitif kepada dua skema iaitu adaptasi dan organisasi. Manakala Al-Ghazali juga turut membicarakan berkenaan perkembangan kognitif ini. Beliau menyarankan supaya ibu bapa tidak mendedahkan kepada anak-anak dengan bahan bacaan yang berunsur cinta kepada kanak-kanak. Beliau juga menyarankan kepada ibu bapa agar menjauhkan anak-anak dari berkawan dengan kanak-kanak yang tidak berakhlak dan tidak bermoral. Hal ini kerana, perhubungan ini akan mempengaruhi perkembangan kognitif kanak-kanak.⁷⁴

Oleh itu, pemahaman dan pengetahuan untuk berhadapan dengan kanak-kanak sebegini adalah perlu dalam memastikan bahawa apa yang cuba diberikan atau diajar boleh dinikmati dan dihayati oleh mereka. Jika berdakwah kepada kanak-kanak umpamanya, dalam keadaan tidak bersedia dan tidak menguasai ilmu pada tahap sebegini, maka mesej yang cuba disampaikan tidak akan berkesan dan sukar difahami

⁷² Nani Menon dan Rohani Abdullah, *Panduan Kognitif Kanak-kanak Prasekolah*, 1

⁷³ *Ibid.*, 200.

⁷⁴ Sufean bin Hussin (et al), *Pentadbiran Dalam Pembangunan Pendidikan* (Selangor: PTS Professional Publishing Sdn Bhd., 2005), 237.

oleh kanak-kanak. Pengetahuan psikologi mengikut tahap juga boleh diaplikasi dengan baik jika pemahaman terhadapnya dapat disimpulkan dengan baik dan digunakan mengikut kaedah perancangan yang teliti untuk manfaat mereka.

2.5 Konsep awal Kanak-kanak

Awal kanak-kanak ialah budak lelaki atau perempuan yang masih kecil (biasanya yang belum berusia lebih daripada 7 hingga 8 tahun).⁷⁵ Kanak-kanak juga merupakan manusia yang muda, iaitu seorang yang masih belum mencapai peringkat *baligh*.⁷⁶ Peringkat perkembangan manusia adalah bermula dengan kelahiran bayi, seterusnya menjadi kanak-kanak, kemudian remaja, dewasa dan menjadi tua.

Perkataan kanak-kanak dalam bahasa arabnya disebut sebagai *al-tifl* (الطفل) yang berasal dari perkataan *tafula* (طفل)⁷⁷ yang membawa maksud sesuatu yang lembut, mudah rosak dan sensitif. Di sebalik maksud tersebut ia memberi pengertian bahawa seseorang kanak-kanak itu perlu dijaga, diasuh dan dididik dengan rapi, teliti dan sempurna memandangkan sifat semulajadinya yang mudah terdedah kepada bahaya persekitaran bukan sahaja dibimbangi kerosakan yang akan menimpa fizikal dan tubuh badan malah aspek-aspek yang lain juga amat perlu diberikan perhatian.⁷⁸

Menurut syariat Islam, awal kanak-kanak ialah seseorang yang belum *baligh* yang dikenali sebagai *al-sabiy* atau *al-ghulam*.⁷⁹ Keadaan mereka dijelaskan dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Ali bin Abi Talib dan Aishah r.a yang bermaksud;

⁷⁵ *Kamus Dewan*, Edisi keempat (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 668

⁷⁶ *Kanak-kanak*, <http://ms.wikipedia.org/wiki/Kanak-kanak>, pada 11 Mac 2010

⁷⁷ *Kamus Bahasa Melayu- Bahasa Arab- Bahasa Melayu*, Shah Alam: Oxford fajar Sdn Bhd, h. 231

⁷⁸ Mastura Badzis, Prof. Madya, Dr. (2009). *Pendidikan Anak-anak di Peringkat Awal Umur Berasaskan Binaan Kurikulum yang Integratif* dalam <http://www.pdfqueen.com/html>, pada 15 Mac 2010, h. 1.

⁷⁹ Jalal al-Din Abd Rahman al-Suyuti (t.t) *al-Ashbah wa al-Nazair fi al-Qawaid wa Furu' Fiqh al-Shafi'iyah*. Kaherah: Mustafa al-babi al-Halabi, h. 240

“Tiga orang yang tidak dikira sebagai bertanggungjawab ke atas perbuatannya, iaitu seorang yang tidur sehingga dia sedar daripada tidurnya, seorang kanak-kanak sehingga dia bermimpi (baligh) dan seorang yang gila sehingga dia siuman.”

(Hadis riwayat: Ahmad, Abu Daud dan al-Hakim)

Hadith tersebut menjelaskan bahawa kanak-kanak ialah seorang yang belum dewasa (masih di bawah umur *baligh*) dan tidak menanggung dosa sehinggalah cukup umur. Proses pertumbuhan ke arah peringkat dewasa mengambil masa yang berbeza-beza antara seseorang dengan seseorang yang lain kerana ia bergantung kepada kecepatan proses fizikal dan daya intelek.

Terdapat banyak pendapat berkenaan pembahagian tahap kanak-kanak. Kanak-kanak dibahagikan kepada tiga bahagian secara umum iaitu tahap bayi⁸⁰, tahap awal kanak-kanak⁸¹ dan juga tahap penghujung kanak-kanak.⁸² *National Associations for the Educations of Young Children* (NAEYC) menterjemahkan peringkat awal kanak-kanak terdiri daripada bermulanya tahun-tahun kelahiran sehinggalah lapan tahun.⁸³ Manakala bagi peringkat kedua iaitu pertengahan kanak-kanak dan dinyatakan sebagai waktu yang menarik dan sesuai untuk perkembangan dari sudut kognitif dan intelektual.⁸⁴ Kanak-kanak akan mengalami perkembangan dan pertumbuhan dari semasa ke semasa. Pertumbuhan bermaksud perubahan yang boleh dinilai dan diukur secara kuantitatif dari satu peringkat ke satu peringkat perkembangan yang lain. Perubahan biasanya adalah dari segi perubahan fizikal yang melibatkan pertambahan kuantiti iaitu misalnya perubahan dari segi berat badan, tinggi dan pertambahan saiz badan. Manakala

⁸⁰ Lewis, M. M., *Language, Thought & Personality in Infancy and Childhood*, (New York: Basic Books, Inc., Publishers, 1963), 100

⁸¹ *Ibid.*, 102.

⁸² *Ibid.*, 166.

⁸³ Bentzen, W. R., *Seeing Young Children: a guide to observing and recording behavior*. (4th ed.). (New York: Thomson Learning, 2000), 321.

⁸⁴ *Ibid.*, 326.

Perkembangan pula melibatkan perubahan yang bersifat kualitatif. Sifat perubahan ini tidak dapat diukur tetapi jelas berlaku jika dibandingkan dengan peringkat yang lebih awal. Seperti perkembangan kognitif, bahasa dan kerohanian kanak-kanak.

2.5.1 Perkembangan moral dan kerohanian (spiritual kanak-kanak)

Perkembangan moral dan kerohanian bermatlamat memberi pendidikan kepada kanak-kanak dalam mempelajari apa yang betul dan apa yang salah. Selain mempelajari berkenaan dengan apa yang betul dan tidak, mereka juga akan mempraktikkan kesetiaan, kejujuran, kepatuhan dan juga kebaikan serta pelbagai aspek moral dan kerohanian yang lain sedangkan mereka sendiri masih belum mengetahui maksud sebenar moral dan kerohanian.

Moral dalam bahasa latin disebut *mores* yang bermaksud cara. Disebut juga sebagai *moralitas* atau *morality* bererti cara, perwatakan dan tingkah laku yang diterima. Semua konsep ini merujuk kepada tingkah laku manusia yang terlibat dengan tingkah laku betul atau salah yang juga dikenali sebagai baik atau buruk.⁸⁵ Pelopor kepada teori moral dan nilai dalam perkembangan kanak-kanak secara komprehensif diutarakan oleh Lawrence Kohlberg. Kohlberg dalam siri kajiannya telah menyarankan tiga tahap utama perkembangan moral dan setiap satu tahap dibahagikan kepada dua bahagian.⁸⁶

Tahap pertama dikategorikan sebagai tahap pramoral atau tahap moral prakonvensional⁸⁷. Pada ketika ini, pengetahuan mereka serta kefahaman berkenaan

⁸⁵ Vishalache Balakrishnan , *Pendidikan Moral Untuk Universiti Dan Kolej* (Selangor: Arah Pendidikan Sdn. Bhd, 2009), 3.

⁸⁶ Mohd Sharani bin Ahmad & Zainal bin Madon, *Panduan Mengurus Remaja Moden* (Pahang: PTS Profesional Publishing Sdn Bhd, 2005), 24

⁸⁷ Mahmood Nazar Mohamad, *Pengantar psikologi: satu pengenalan asas kepada jiwa dan tingkah laku manusia*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010), 207.

moral masih tiada. Pada tahap pertama dalam kategori ini, mereka kebiasaannya membuat keputusan moral berdasarkan idea untuk mengelakkan hukuman.

Pada peringkat kedua pula mereka menilai sesuatu keputusan itu berdasarkan kecenderungan untuk mendapatkan ganjaran atau balasan yang setimpal ke atas budinya. Tahap kedua ini dinamakan sebagai tahap moral yang konvensional. Kanak-kanak pada tahap ini sudah mula memahami perkara yang konkrit seperti suka dan tidak, boleh dan tidak, serta betul atau salah, manakala sudut pandang moral bagi mereka adalah berasaskan pendapat serta perkataan orang terhadap dirinya. Mereka cuba menjadi seperti yang dikehendaki oleh orang sekeliling.⁸⁸

Tahap ketiga pula dinamakan sebagai tahap prinsipal atau tahap moral post-konvensional.⁸⁹ Di peringkat ini kanak-kanak akan menilai perihal keadaan sama ada benar atau tidak berpandukan prinsip-prinsip etika daripada akibat yang diperolehinya. Mereka akan merujuk kepada tokoh-tokoh pada ketika ini untuk membuat penilaian bagi mengelakkan diri mereka daripada kutukan serta hukuman yang akan dikenakan ke atas dirinya. Tingkah laku mereka pada tahap ini sering diarahkan oleh prinsip etika dan kebenaran. Kohlberg berpendapat secara kesimpulannya kebanyakan manusia beroperasi pada tahap konvensional dan terdapat hanya beberapa individu sahaja yang berupaya beroperasi pada tahap prinsipal.

Manakala maksud kerohanian pula ialah sesuatu yang ada kaitan dengan roh. Sesungguhnya psikologi perkembangan kanak-kanak merupakan wacana yang berupaya memahami manusia dan meningkatkan kualitasnya. Ia bermanfaat kerana mampu menawarkan perspektif dan resolusi baru ke arah memahami manusia secara yang lebih baik. Menurut Fuad Nashori, kepentingan psikologi perkembangan kanak-kanak ialah

⁸⁸ Mohd Sharani bin Ahmad & Zainal bin Madon, *Panduan Mengurus Remaja Moden*, 25

⁸⁹ Mahmood Nazar Mohamad, *Pengantar psikologi: satu pengenalan asas kepada jiwa dan tingkah laku manusia*, 208.

agar manusia lebih optimis dalam memandang seseorang kanak-kanak, memahami potensi kanak-kanak dan memahami tuntutan empirikal dan normatif kanak-kanak⁹⁰.

Allah SWT berfirman dalam Surah al-Mukminun yang bermaksud;

Dan Sesungguhnya kami Telah menciptakan manusia dari suatu saripati (berasal) dari tanah. Kemudian kami jadikan saripati itu air mani (yang disimpan) dalam tempat yang kukuh (rahim). Kemudian air mani itu kami jadikan segumpal darah, lalu segumpal darah itu kami jadikan segumpal daging, dan segumpal daging itu kami jadikan tulang belulang, lalu tulang belulang itu kami bungkus dengan daging. Kemudian kami jadikan dia makhluk yang (berbentuk) lain. Maka Maha sucilah Allah, Pencipta yang paling baik. Kemudian, sesudah itu, Sesungguhnya kamu sekalian benar-benar akan mati.

Surah al-Mukminun (23):10-12

Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa, manusia ini dilahirkan dalam keadaan yang lemah tetapi mempunyai potensi untuk maju dan tidak akan berterusan dalam keadaan yang lemah walaupun masih mempunyai kelemahan.⁹¹ Oleh itu, manusia perlu melalui proses pendidikan untuk memperbaiki kelemahan yang ada. Ahli-ahli psikologi dan pakar kanak-kanak berpendapat bahawa pembentukan peribadi dan pendidikan kanak-kanak berlaku sejak dalam kandungan ibunya lagi. Segala tindak-tanduk dan pembawaan ibu baik dari segi emosi dan fizikal akan meninggalkan kesan kepada bayi.⁹²

Manakala, Al-Ghāzālī pula telah menekankan perkembangan kanak-kanak perlu ditumpukan kepada kerohanian.⁹³ Rohani ditafsirkan sebagai perkara yang terdiri daripada akal, nafsu, jiwa dan roh, sebagaimana yang dijelaskan dalam jadual berikut:

Jadual 2.1 Peringkat Perkembangan Kanak-Kanak Dan Ciri-Ciri Perkembangan Rohani Menurut Al-Ghāzālī :

⁹⁰ Fuad Nashori, *Psikologi Islam i-Agenda Menuju Aksi* (Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 1997), 54- 67

⁹¹ Khairul Azhar Idris "Perbezaan antara merendah diri dengan rendah diri" Berita Harian, 10 Oktober 2002

⁹² Jas Laile Suzana Jaafar *Pengenalan Kepada Psikologi Kanak-Kanak Dan Remaja*, 57.

⁹³ Drs Zulkifli Leman *Psikologi Perkembangan* (Bandung: Penerbit Pt Remaja Rosdakarya, 1992), 4.

Peringkat	Umur	Ciri-ciri Perkembangan Rohani
Awal Kanak- kanak	2-6 th	<ul style="list-style-type: none"> • Memperolehi perasaan suka didampingi • Konsep ketuhanan hanya boleh difahami dalam gambaran berbentuk benda atau lukisan sahaja • Konsep kebesaran Tuhan, nilai-nilai murni dan adab sopan peringkat biasa boleh difahami dan dihayati
Akhir kanak- kanak	7-12 th	<ul style="list-style-type: none"> • Kesediaan rohaninya mula mantap • Pendidikan agama dan pendidikan moral boleh dipelajari secara formal • Amalan rukun Islam boleh dilaksanakan dengan tepat • Rukun iman mula difahami dan dihayati

Berdasarkan Jadual 2.1 di atas boleh difahami bahawa perkembangan kerohanian awal kanak-kanak masih lagi pada tahap pengenalan. Pendidikan kerohanian yang ingin diterapkan haruslah sesuai dengan usia kanak-kanak dan tidak melebihi kemampuan mereka. Kanak-kanak akan menghadapi kesukaran untuk memahami konsep-konsep yang sukar kerana mereka hanya boleh memahami konsep kebesaran tuhan yang mudah, nilai-nilai murni dan adab sopan yang ringkas. Sebagai contoh, untuk menerapkan konsep kebesaran tuhan, guru boleh melakukan aktiviti mewarna lukisan matahari, bulan dan bintang. Sambil mewarna dan membantu murid-murid guru berperanan untuk menerangkan berkenaan alam ciptaan tuhan dan Allah sebagai tuhan yang Maha Pencipta seperti yang dipraktikkan di PASTI (akan dihuraikan dalam bab 3). Begitu juga dalam membentuk nilai-nilai murni dan adab sopan. Mereka seharusnya didedahkan dengan nilai-nilai murni dan adab sopan yang ringkas seperti adab sebelum tidur sebelum makan dan sebagainya. Aktiviti membaca doa beramai-ramai merupakan antara kaedah yang sesuai diaplikasikan kepada mereka.

Terdapat beberapa metodologi yang sesuai telah diketengahkan oleh al-Ghāzālī iaitu memupuk amalan kebiasaan yang baik dan positif seperti membaca doa sebelum memulakan pembelajaran dan berkongsi makanan ketika makan pada waktu rehat. Menurut al-Ghāzālī kanak-kanak seharusnya sentiasa dipupuk dan dibiasakan dengan nilai-nilai yang baik dan mulia kerana kanak-kanak mempunyai hati yang suci dan bersih serta mudah dilentur dan dibentuk untuk mencintai Allah.⁹⁴ Justeru, pemupukan amalan kebiasaan yang baik dan positif adalah penting dalam melahirkan generasi Islam berdasarkan acuan yang dikehendaki oleh Islam .⁹⁵

Metodologi kedua yang disebut oleh al-Ghazālī ialah menyemai sifat mulia dan sifat mahmudah dalam diri kanak-kanak sejak kecil lagi. Sebagai contoh, kanak-kanak sentiasa diterapkan tentang sifat sabar dan menghormati hak orang lain. Tanggungjawab menyemai sifat mulia seperti ini sepatutnya dipikul oleh kedua ibu bapa mereka di rumah dan guru di sekolah.⁹⁶

Metodologi yang seterusnya ialah menggunakan kata-kata yang baik kepada kanak-kanak. Guru merupakan individu yang berpengaruh dalam diri dan jiwa kanak-kanak selain daripada ibu bapa mereka di rumah. Justeru itu, ibu bapa dan guru sepatutnya menggunakan bahasa yang baik dan sopan ketika berkomunikasi. Hal ini demikian kerana, kanak-kanak merupakan individu yang mudah meniru dan akan menuturkan kembali apa sahaja percakapan orang-orang di sekeliling mereka terutamanya individu yang sangat berpengaruh dalam kehidupan mereka.⁹⁷

Selain itu, al-Ghāzālī juga menekankan metodologi mengukuhkan daya intelektual dan fizikal kanak-kanak dengan menggunakan media yang sesuai seperti

⁹⁴ Asmawati Suhid, *Pendidikan Akhlak Dan Adab Islam* (Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd., 2009), 87

⁹⁵ *Ibid.*, 88.

⁹⁶ *Ibid.*

⁹⁷ *Ibid.*, 89.

mempunyai nilai-nilai yang positif dan jauh dari nilai keganasan dan penindasan. Hal ini demikian kerana terdapat banyak media di pasaran yang tidak mempunyai nilai yang positif dan dibimbangi akan mempengaruhi jiwa kanak-kanak. Oleh itu pemilihan buku-buku yang tepat seperti kisah-kisah nabi dan cerita tauladan dan kasih sayang dalam keluarga adalah sangat sesuai terhadap kanak-kanak.⁹⁸

Manakala metodologi yang terakhir ialah memberi ganjaran dan denda. Ganjaran yang dimaksudkan oleh al-Ghāzālī ialah kata pujian yang boleh memberi galakan dan dorongan untuk melakukan kebaikan.⁹⁹ Sebagai contoh kanak-kanak diberikan pujian apabila membantu guru serta melakukan perkara-perkara yang baik. Justeru tindakan ini, mampu memberi dorongan kepada diri pelajar tersebut dan pelajar-pelajar yang lain. Manakala dari aspek denda pula, kanak-kanak perlu diberitahu apakah kesalahan yang dilakukan dan menasihatinya agar tidak mengulangnya lagi. Dr. Bustaman Kamri merupakan pakar dekan Fakulti Pengajian Awal Kanak-kanak UNITAR menyarankan agar kanak-kanak didenda dengan cara mengeluarkan mereka dari kumpulan dan mengarahkan duduk sendirian dalam masa tertentu sehingga boleh meredakan tingkah lakunya.¹⁰⁰ Tindakan ini dilihat sangat sesuai sebagai satu kaedah denda supaya kanak-kanak belajar meninggalkan perbuatan yang dilarang oleh ibu bapa atau guru. Kesimpulannya, pendidikan kerohanian perlulah diperkembangkan sejak kanak-kanak lagi. Penerapan kerohanian setiap hari mampu melahirkan muslim yang berkualiti dan kompeten.

2.5.2 Perkembangan Fizikal Kanak-Kanak

Perkembangan fizikal bermaksud perkembangan terhadap tubuh badan manusia sewaktu proses pembesarannya. Perkembangan kanak-kanak yang normal akan kelihatan comel,

⁹⁸ *Ibid.*,90.

⁹⁹ *Ibid.*

¹⁰⁰ Azran Jaafar, “Melayan Kenakalan kanak-kanak Prasekolah” Berita Harian, 11 Januari 2013, 49.

tegap dan sihat.¹⁰¹ Pada peringkat ini, penambahan berat badan dan tinggi tidak begitu pesat berbanding pada peringkat bayi. Pertumbuhan pesat kanak-kanak berlaku pada usia lima hingga enam tahun, sama ada pertumbuhan otot mahupun penambahan berat badan mereka. Kadar pertumbuhan otot mereka juga seimbang dengan berat badannya.¹⁰²

Pengalaman awal terhadap perkembangan kanak-kanak dapat dikaitkan melalui perubahan-perubahan yang berlaku kepada seseorang bayi. Mereka mula mempelajari sesuatu melalui pengalaman-pengalaman yang ada dan menukarnya menjadi tabiat untuk keperluan hidup. Sebagai contoh, seurus selepas dilahirkan bayi sudah tahu menghisap susu dari puting melalui pergerakan refleks “*rooting*” di mana apabila pipi bayi diusik, dia akan menggerakkan kepalanya ke arah sentuhan tersebut.¹⁰³

Pada peringkat awal tumbesaran kanak-kanak ini, perkembangan otot anggota badan akan berlaku terlebih dahulu. Setelah otot berkembang dengan baik dan kuat, mereka akan cuba menggunakan kekuatan otot dengan melakukan aktiviti tertentu. Mereka akan cuba bergerak, merangkak dan memegang objek yang dijumpai. Contohnya, apabila ternampak pensil mereka akan cuba memegangnya. Kemudian kanak-kanak ini akan melukis atau melorek mengikut imaginasi mereka. Pada peringkat ini, kanak-kanak akan sedar tentang kawalan badan mereka seiring dengan kebolehan mereka menggerakkan anggota badan tersebut. Justeru, pada peringkat awal pembelajaran kawalan tubuh badan ini, tumpuan juga harus diberikan kepada pengetahuan mereka tentang nama dan mengenal bahagian-bahagian anggota tubuh badan mereka.¹⁰⁴

¹⁰¹ Mohd Amin H.a. Sharif, *Perkembangan Kanak-kanak*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003), 1.

¹⁰² Rozumah Baharuddin, *Perkembangan kanak-kanak* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992), 20.

¹⁰³ *Ibid.*, 198.

¹⁰⁴ Mohd Sharani bin Ahmad, *Psikologi Kanak-kanak* (Selangor: PTS Professional Publishing Sdn Bhd, 2006), 137.

Terdapat beberapa gerakan anggota tubuh badan yang sesuai dilakukan oleh kanak-kanak bagi melatih kawalan anggota badan. Antara aktiviti untuk kawalan badan adalah seperti melenturkan badan, merenggangkan badan dan memusingkan badan. Aktiviti-aktiviti laun adalah seperti berpusing dalam bulatan, melompat bersama rakan dan melangkah bersama-sama seperti keretapi sedang bergerak. Aktiviti seperti ini akan memperkukuhkan kebolehan kanak-kanak dalam mengawal anggota badan. Tambahan lagi, aktiviti ini juga akan melibatkan koordinasi untuk bergerak dalam kumpulan.¹⁰⁵

Aktiviti yang disebutkan merupakan aktiviti yang melibatkan kawalan anggota badan secara serentak. Ia melibatkan kawalan terhadap tangan, kaki dan badan. Semasa bermain, kanak-kanak akan bergerak bersama rakan-rakan. Kanak-kanak akan membuat kawalan tangan agar sentiasa memegang bahu rakan atau memegang tangan kawan. Gerakan kaki juga perlu dikawal agar bergerak serentak dengan kaki rakan yang lain. Kawalan badan pula perlu agar mereka dapat bergerak dalam satu barisan yang lurus agar tidak terlepas dari barisan rakannya.¹⁰⁶

Perkembangan pergerakan atau motor adalah perkembangan yang boleh dilihat dengan jelas. Pada peringkat bayi, pergerakan biasanya adalah statik dan mereka belum lagi dapat bergerak secara aktif. Kebolehan penggunaan otot pada kanak-kanak adalah mengikut tahap dan bersifat teratur. Ia juga bergantung kepada kesempurnaan anggota tempat otot itu berada. Penggunaan otot kaki dan tangan bagi kanak-kanak bermula dengan teratur dan berturut-turut dari merangkak, kemudian berdiri dan berjalan seterusnya mampu berlari.¹⁰⁷

¹⁰⁵ Putri Zabariah Megat Abdul Rahman, Bustam Kamri, Raja Hamizah, *Tadika berkualiti* (Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn Bhd, 2006), 31.

¹⁰⁶ *Ibid.*, 32.

¹⁰⁷ Mohd Amin H.a. Sharif, *Perkembangan Kanak-kanak*, 6-7

Bayi yang berusia dua bulan, biasanya telah dapat meniarap dan mengangkat dagu secara perlahan-lahan. Semasa berusia tiga bulan, otot mata bayi sudah dapat melihat dan membezakan warna seperti cerah dan gelap. Apabila mencapai usia tujuh bulan, kebanyakan bayi sudah pandai duduk sendiri dan boleh memegang sesuatu. Semasa berusia lapan bulan sudah mula merangkak dan apabila mencapai usia sepuluh atau 11 bulan, kanak-kanak sudah boleh berjalan. Mereka akan berjalan dengan baik dalam usia satu tahun empat bulan dan boleh bermain sendiri apabila berusia 18 bulan.¹⁰⁸

Pada peringkat awal kanak-kanak pula, mereka sudah mempunyai kemahiran motor kasar yang baru kerana sifat mereka yang suka ambil tahu dan berani mencuba. Mereka suka berlari, melompat, memanjat, menunggang basikal dan menendang bola. Mereka juga mempunyai keupayaan motor halus seperti memakai baju, menyikat rambut dan sebagainya. Pergerakan kanak-kanak ini akan lebih matang dengan cara latihan dan penggunaan fungsi anggota secara berterusan, walaupun terdapat kanak-kanak yang pergerakannya lambat dan kekok.¹⁰⁹

2.5.3 Perkembangan Emosi Kanak-Kanak

Emosi ialah kecenderungan manusia yang disedari supaya tertarik ke arah atau menjauhi sesuatu objek. Emosi lahir seiring dengan perasaan fizikal yang tertentu dan menjadi sebahagian daripada personaliti manusia.¹¹⁰ Kanak-kanak sejak kecil sudah mempunyai emosi iaitu emosi yang pertama ialah seronok. Seronok melibatkan daya tertarik kepada sesuatu objek seperti bergembira, keinginan, kasih sayang dan cinta. Kedua ialah emosi tidak seronok yang melibatkan kecenderungan menjauhi iaitu bersedih, kecewa, takut ,

¹⁰⁸ *Ibid.*

¹⁰⁹ Rohani binti Abdullah, Nani binti Menon & Mohd Sharani bin Ahmad, *Panduan Kurikulum Prasekolah*, 116.

¹¹⁰ Zainun Ishak, *Panduan kesihatan dan keselamatan kanak-kanak* (Selangor: PTS Akademia, 2014), 1.

marah, benci, duka, merajuk dan dendam. Keadaan emosi tersebut bergantung kepada tindak balas seseorang terhadap situasi yang dialaminya serta dikaitkan dengan hajat seseorang. Seandainya keperluan seseorang tercapai, maka dia akan merasa gembira dan puas hati, tetapi sebaliknya jika tidak tercapai, emosinya akan berasa kecewa dan sedih.¹¹¹

Perkembangan emosi penting untuk membantu pertumbuhan fizikal kanak-kanak. Emosi akan menambah keseronokan kepada pengalamannya sehari-hari, menjadi penggerak kepada tindakan dan memberi warna kepada tindak-tanduk yang diambilnya. Selain itu, emosi juga adalah sebagai tindak balas subjektif (perasaan) yang biasanya disertai oleh perubahan fisiologi kanak-kanak.¹¹² Emosi juga turut mempengaruhi tanggapan seseorang kanak-kanak terhadap orang lain dan alam sekelilingnya. Tanggapan ini seterusnya akan menentukan sikap yang akan diambil dalam kehidupannya.¹¹³

Perkembangan awal emosi kanak-kanak dilihat sejak bayi lagi semasa berinteraksi dengan ibunya. Bayi akan mudah selesa dengan orang yang dilihat setiap hari. Mereka akan kelihatan gembira jika semuanya berada dalam keadaan biasa tetapi akan menunjukkan perasaan tidak selesa dengan menangis, jika berasa lapar atau sakit.¹¹⁴

Perasaan takut dan cemas dapat dilihat apabila kanak-kanak itu berhadapan dengan orang lain atau wajah yang tidak dikenali. Kanak-kanak pada usia empat bulan dikatakan boleh memberi reaksi cemas. Kanak-kanak yang berumur tujuh hingga lapan bulan pula dapat menunjukkan perasaan tidak gembira dan risau jika dipisahkan dengan

¹¹¹ Murugiah Velayutham, *Psikologi Pendidikan 1: Psikologi Perkembangan*. (Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd, 1996), 65.

¹¹² Maarof Redzuan & Haslinda Abdullah, *Psikologi*. (Kuala Lumpur: Mc Graw Hill, 2001), 170.

¹¹³ Rozumah Baharuddin, *Perkembangan kanak-kanak*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992), 35.

¹¹⁴ Rohani binti Abdullah, *Bayi Cerdik* (Selangor: PTS Millennia, 2007), 135.

ibunya atau penjaganya. Tetapi semakin emosi kanak-kanak itu berkembang, keadaan tersebut semakin berkurangan.¹¹⁵

Ibu bapa perlu mengawal emosi-emosi yang dipamerkan oleh kanak-kanak supaya tidak berlarutan dan boleh menimbulkan masalah di kemudian hari. Antara jenis emosi yang perlu dikawal ialah kasih sayang, takut, marah, cemburu dan sedih.¹¹⁶ Ketakutan ialah sebahagian daripada proses perkembangan kanak-kanak. Namun, jika tidak dikawal akan mempengaruhi kesihatan jiwa kanak-kanak tersebut.¹¹⁷

Justeru itu, roh dan jiwa kanak-kanak perlu diberi pengisian dan kawalan. Kasih sayang merupakan keperluan batiniyah mereka. Jika keperluan batiniyah tidak dipenuhi, kanak-kanak akan jadi miskin jiwa dan boleh menimbulkan gejala-gejala sosial dalam kalangan kanak-kanak.

Kanak-kanak akan merasa dikasihi seandainya keperluannya diperolehi. Jiwanya terubat dan terisi hingga badannya turut terasa kuat dan sihat. Bahkan mereka juga akan turut merasa gembira dan bahagia. Ini akan menjadikan mereka kuat belajar dan cepat bertindak. Sebaliknya jika kurang kasih sayang dari ibu bapa, jiwa mereka akan menjadi lemah, lesu dan sepi, mudah merajuk, kecewa dan putus asa. Jika jiwa mereka lemah, ia tidak akan mendorong fizikalnya untuk tangkas dan gigih bekerja, bahkan badan akan menjadi sakit, lemah bertindak dan tidak berdaya untuk berdepan dengan pelbagai masalah hidup.¹¹⁸

¹¹⁵ Mohd Amin H.A Sharif, *Perkembangan Anak-anak*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003),6.

¹¹⁶ Mohd. Amin Ismail, *Pendidikan dan Psikologi kanak-kanak* (Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1977),44.

¹¹⁷ Kasmini Kassim, *Memahami Jiwa Kanak-kanak*. (Kuala Lumpur: K Publishing & Distributors Sdn Bhd, 1990), 27.

¹¹⁸ Amina Haji Noor, *Mendidik Mental Anak* (Kuala Lumpur: Darul Nu'man, 1996) ,19.

Erick Ericson telah membahagikan perkembangan emosi kanak-kanak kepada empat peringkat¹¹⁹;

Jadual 2.2 Jadual Perkembangan Emosi Kanak-Kanak Oleh Erick Ericson

Peringkat konflik	Perkembangan emosi
0-1 ½ tahun (bayi) (kepercayaan lawan ketidakpercayaan)	<ul style="list-style-type: none"> • Rasa kepercayaan dibina dalam tahun pertama • Membina rasa kepercayaan secara berperingkat • Membina rasa ketidakpercayaan jika keperluannya tidak dipenuhi • Ketidakpercayaan akan membentuk tingkah laku negatif
1 ½ - 3 tahun (awal kanak-kanak) (Autonomi lawan malu/ ragu)	<ul style="list-style-type: none"> • Keinginan memiliki kuasa • Keinginan membuat sesuatu dengan daya usaha sendiri • Merasa malu jika tidak diberi kuasa • Merasa malu di depan orang • Merasa takut melakukan kesalahan
3 – 6 tahun (Awal kanak-kanak Tadika) (Inisiatif lawan serba salah)	<ul style="list-style-type: none"> • Belajar cepat • Bergerak cepat • Peka kepada yang betul dan salah • Merasa serba salah jika diketawakan • Membina sikap negatif jika merasa serba salah
6- 11 tahun (Kanak-kanak) (Kerajinan lawan kompleks rendah diri)	<ul style="list-style-type: none"> • Keinginan menguasai sesuatu • Keinginan berjaya • Menguasai kemahiran asas fizikal dan sosial • Memerlukan peneguhan positif/ penghargaan terhadap tugas yang disempurnakannya • Merasa kompleks rendah diri jika dikritik

Kanak-kanak yang berada dalam tahap awal berbeza dengan keadaan kanak-kanak yang berada di tahap yang lain. Hal ini kerana kanak-kanak di usia ini sedang

¹¹⁹ Mahmood Nazar Mohamed, *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas kepada Jiwa dan Tingkah laku Manusia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001), 79.

mengalami proses perkembangan keperibadian yang unik dan sedang menuntut kebebasan yang tidak pernah diperolehi daripada ibu bapanya. Hurlock mengatakan semasa bayi, masalah yang sering dialami oleh ibu bapa ialah persoalan rawatan kerana bayi mudah terdedah dengan pelbagai penyakit disebabkan kekurangan daya tahan.¹²⁰ Perkembangan emosi bayi juga bergantung kepada tahap kesihatan mereka. Tetapi apabila berada di tahap awal kanak-kanak, masalah yang dialami oleh ibu bapa selain masalah kesihatan, mereka turut berhadapan dengan permasalahan perilaku kanak-kanak. Masalah perilaku ini wujud dalam kalangan awal kanak-kanak kerana pada masa ini mereka inginkan kebebasan, sedangkan ibu bapanya masih memberi batasan dan perhatian kepada segala pergerakan mereka. Kebebasan yang tidak diperolehi ini menyebabkan mereka memberontak, degil, tidak menurut perintah, negatif dan suka melawan. Mereka juga sering menunjukkan sikap marah tanpa alasan.

Pada waktu malam pula, mereka sering diganggu dengan mimpi buruk sehingga menimbulkan rasa takut pada waktu siang kepada perkara-perkara yang tidak rasional. Malah mereka juga sudah mula merasa cemburu dengan kanak-kanak lain. Perubahan menjadi amat ketara berbanding semasa mereka masih bayi. Kebergantungan hidup semasa bayi yang sangat memerlukan kasih-sayang daripada ibu bapa dan adik-beradik yang lain telah berubah. Mereka sudah cenderung untuk menolak bantuan ibu bapa atau adik-beradiknya terutama apabila hendak makan. Mereka sudah menumpukan perhatian kepada permainan.¹²¹

¹²⁰ Elizabeth B. Hulock, *Psikologi Perkembangan: Suatu Pendekatan Sepanjang Rentang Kehidupan* (Jakarta: Penerbit Erlangga, 1980), 108-109.

¹²¹ Mahani Razali, Ramlah Jantan & Shahabuddin Hashim, *Psikologi Pendidikan* (Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing, 2006), 41.

Pada usia ini juga, mereka dikategorikan dalam usia bermain.¹²² Mereka menghabiskan sebahagian masa hanya untuk bermain.¹²³ Malah kita dapati banyak alat permainan dicipta untuk mengembangkan daya kreativiti mereka melalui permainan. Dapat dilihat, prasekolah juga menyediakan permainan kepada kanak-kanak sama ada yang dilakukan secara persendirian atau secara berkelompok sebagai sebahagian daripada proses pembelajaran. Guru-guru di prasekolah berusaha mempersiapkan kanak-kanak ini menghadapi proses pembelajaran secara formal dan mula membentuk persepsi kanak-kanak terhadap tugas baru itu.

Para ahli psikologi pula menyifatkan awal kanak-kanak sebagai usia yang sudah mula mahu menjelajah.¹²⁴ Mereka cenderung untuk mengetahui situasi lingkungannya sama ada benda yang mati atau benda yang hidup. Penjelajahan ini akan disertai perasaan ingin tahu dan mereka akan suka bertanya terhadap segala perkara yang ingin diketahuinya. Perkara yang penting dalam situasi usia awal kanak-kanak ini, mereka suka meniru percakapan atau perbuatan orang lain dan amat kreatif semasa bermain.¹²⁵

2.5.4 Perkembangan Mental dan Kognitif Kanak-Kanak

Kognitif merujuk pada intelek atau pemikiran individu. Ia memfokuskan kepada cara kanak-kanak belajar dan memproses maklumat bagi mengembangkan daya fikir dan membina pengetahuan. Perkembangan kemahiran berasaskan intelek ini melibatkan kemahiran berbahasa, imaginasi, mental, fikiran, penaakulan, penyelesaian masalah dan memori.¹²⁶

¹²² Abdul Mun'im Ibrahim, *Mendidik Anak Perempuan* (Selangor: PTS Millennia, 2011), 204.

¹²³ Rohani binti Abdullah, Nani binti Menon & Mohd Sharani bin Ahmad, *Panduan Kurikulum Prasekolah*, 192.

¹²⁴ Nor Hashimah binti Hashim, Yahya Che Lah, *Panduan Pendidikan Prasekolah*, 61.

¹²⁵ Mohd Sharani bin Ahmad, *Psikologi Kanak-kanak* (Selangor: PTS Professional Publishing Sdn Bhd, 2006), 169.

¹²⁶ Nani Menon dan Rohani Abdullah, *Panduan Kognitif Kanak-kanak Prasekolah* (Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd, 2004), 1.

Teori perkembangan dari sudut kognitif dikemukakan oleh Jean Piaget (1869-1980) yang merupakan seorang pakar biologi Switzerland dan pakar psikologi kanak-kanak yang telah banyak membuat kajian ke atas tingkah laku kanak-kanak.¹²⁷ Piaget membahagikan perkembangan kognitif kepada dua skema iaitu adaptasi dan organisasi.

Proses adaptasi ialah penyesuaian yang melibatkan aktiviti penyerapan (akomodasi) dan pengubahsuaian (asimilasi). Proses ini berlaku apabila seseorang menerima rangsangan daripada sekeliling seterusnya mentafsir dan memproses mengikut pengalaman yang sedia ada manakala pengetahuan baru akan diserap sebagai skema baru. Tetapi jika terdapat pengetahuan baru yang tidak dapat dijelaskan maka proses pengubahsuaian akan berlaku. Kanak-kanak akan menggunakan kedua-dua proses untuk menimbulkan situasi yang memerlukan jawapan kepada persoalan yang timbul. Kanak-kanak akan memahami sesuatu konsep berasaskan kepada proses perkembangan kognitif ini.¹²⁸

Proses organisasi pula membina kecenderungan manusia untuk menyusun konsep yang diterima secara tersusun, sistematik dan boleh diguna semula. Kanak-kanak akan mula membentuk organisasi antara skema sedia ada dengan skema yang baru bagi mewujudkan perhubungan. Perkembangan kognitif ini sangat cepat berkembang pada masa bayi (70%) serta zaman awal kanak-kanak (90%). Perkembangannya semakin lambat apabila sudah berada di peringkat pertengahan kanak-kanak dan penghujung kanak-kanak seterusnya ke usia dewasa. Perkembangan kognitif kanak-kanak juga berbeza antara seorang dengan seorang yang lain. Berk (1996) menyatakan bahawa;

“...greater cognitive and social maturity permits older children to use their new motor skills in more complex ways...”¹²⁹

¹²⁷ *Ibid.*, 200.

¹²⁸ Nani Menon dan Rohani Abdullah, *Panduan Kognitif Kanak-kanak Prasekolah*, 2-3.

¹²⁹ Berk, L. E., *Infants, Children and Adolescents*. (2nd ed.) (Boston: Allyn and Bacon, (1996), 43.

Perkembangan kemahiran kognitif adalah berasaskan kepada perubahan struktur mental kanak-kanak. Ia melibatkan nilai, komunikasi,¹³⁰ bahasa, mental, fikiran, penaakulan, penyelesaian masalah dan memori. Piaget juga menyatakan bahawa perkembangan kognitif berlaku melalui skema iaitu bentuk asas pengetahuan manusia.¹³¹ Tahap ini dikenali sebagai ‘*Cognitive Approach*’ yang melibatkan pendekatan dan perkembangan dalam pemrosesan maklumat seseorang kanak-kanak.¹³²

Piaget menjelaskan empat tahap perkembangan kognitif iaitu tahap deria motor, tahap pra-operasi, tahap operasi konkrit dan juga tahap operasi formal.¹³³

i. Tahap deria motor (umur 0 – 2 tahun)

Kanak-kanak dalam kategori tahap deria motor diklasifikasikan kepada kanak-kanak yang berusia antara dua minggu hingga dua tahun¹³⁴. Pada ketika ini bayi berfikir menggunakan deria iaitu memerhati dengan mata, mendengar dengan telinga dan menyentuh dengan tangan serta sebarang aktiviti penerokaan terhadap persekitaran. Mereka meneroka objek untuk mengetahui akan kewujudannya. Sebagai contoh, jika kita meletakkan sapu tangan pada salah satu daripada mainannya, maka dia tidak akan mencari mainan yang tersembunyi itu. Sebaliknya hanya akan pergi kepada mainan yang tidak disembunyikan sahaja.

Seterusnya, pada usia di antara enam hingga sembilan bulan, mereka belajar bahawa walaupun sesuatu objek itu tidak kelihatan, tetapi ia masih wujud. Konsep ini disebut sebagai kekekalan objek (*object permanence*). Pada penghujung tahap deria

¹³⁰ Jas Laile Suzana Jaafar, *Psikologi Perkembangan: Psikologi Kanak-kanak dan Remaja*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2000), 6.

¹³¹ Nani Menon, & Rohani Abdullah, *Panduan Mengembangkan Daya Fikir Kanak-Kanak Pra Sekolah*. (Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2003), 1.

¹³² Cairns, R. B The Making of Developmental Psychology, In W. Damon (ed.). *Handbook of Child Psychology: Vol. 1. Theoretical models of human development*, (New York: Wiley, 1998), 297

¹³³ Mahmood Nazar Mohamad, *Pengantar psikologi: satu pengenalan asas kepada jiwa dan tingkah laku manusia*, 201.

¹³⁴ *Ibid.*, 199.

motor ini, bayi dapat menunjukkan kebolehan bertaakul dan celik akal (*insight*) serta menggunakan pelbagai cara baru dalam menyelesaikan masalah.¹³⁵ Sebagai contoh, bayi sudah pandai menggunakan kayu untuk mencapai mainan yang jauh daripadanya. Walau bagaimanapun, mereka belum mampu menguasai bahasa bagi menamakan benda dan kejadian di persekitarannya.

Apabila kanak-kanak sudah menguasai kemahiran pergerakan di usia 1 hingga 2 tahun, mereka akan mula berhubung secara aktif dan langsung kepada objek. Mereka sudah boleh bertindak dengan objek dan melihat kesan tindakannya terhadap objek. Kesemua perkembangan ini akan membawa bayi ke tahap perkembangan yang selanjutnya.

ii. Pra operasi (Umur 2 – 7 tahun)

Pada peringkat ini, perkembangan kognitif kanak-kanak mengalami perubahan yang ketara terutamanya dari segi bahasa. Aktiviti deria pergerakan didapati semakin berkurangan. Penggunaan pemikiran simbolik, penaakulan kognitif dan penggunaan konsep akan bermula. Perkembangan kognitif yang utama pada peringkat ini adalah seperti penggunaan simbol untuk menunjukkan keupayaan dalam bahasa dengan mudah.¹³⁶

Selain itu, mereka juga boleh menamakan sesuatu benda mudah seperti tanda-tanda, lambang-lambang dan objek serta perkataan. Pemikiran mereka juga lebih bergantung kepada persepsi daripada logik. Mereka juga akan lebih berfikiran animistik iaitu menganggap sesuatu yang tidak hidup seperti anak patung bernyawa seperti bayi. Mereka turut mempunyai pemikiran yang egosentrik¹³⁷ iaitu pemikiran yang

¹³⁵ *Ibid.*, 202.

¹³⁶ Nani Menon, & Rohani Abdullah. (2003). *Ibid.*, h. 6.

¹³⁷ **Egosentrik**- tidak dapat memikirkan perspektif orang lain dan selalu menganggap semua orang sependapat dengannya. Mereka juga tidak dapat menerima pandangan orang yang berbeza. Mereka lebih

berdasarkan sudut sendiri sahaja. Malah, mereka juga sukar untuk memahami konsep konservasi atau pengekalan ciri objek. Mereka hanya mengetahui perbezaan dari persepsi kuantitatif. Mereka belum boleh memahami dan membezakan konsep objek dan subjek. Pada umur sebegini mereka percaya bahawa kawan rekaan (*imaginary friend*) mereka benar-benar wujud. Ini hasil daripada pemikiran egosentrik kanak-kanak tersebut. Ia juga dikatakan sebagai ketidakbolehan seorang kanak-kanak itu dalam melakukan konservasi. Pada tahap ini egosentrik dinyatakan sebagai menghadkan¹³⁸ konservasi tersebut.¹³⁹ Antara kelemahan atau penghadan tersebut termasuklah pemusatan, fantasi dan juga penaakulan transduktif.¹⁴⁰

Oleh itu, pemahaman dan pengetahuan untuk berhadapan dengan kanak-kanak sebegini perlu dalam memastikan bahawa apa yang cuba diberikan atau diajar akan sampai kepada mereka. Jika guru yang akan mengajar awal kanak-kanak umpamanya, tidak bersedia dengan ilmu pada tahap sebegini, maka mesej yang cuba disampaikan tidak akan kesampaian. Pengetahuan psikologi mengikut tahap juga boleh diaplikasi dengan baik jika pemahaman terhadapnya dapat disimpulkan dengan baik dan digunakan.

iii. Operasi konkrit (7 – 11 tahun)

Tahap Operasi Konkrit ini merupakan tahap ketiga dalam perkembangan kognitif kanak-kanak seperti yang dinyatakan oleh Piaget. Tahap ini merujuk kepada perkembangan kognitif yang selanjutnya disebabkan oleh faktor kebolehan berfikir dengan logik. Umur

tertumpu kepada satu idea sahaja. Kefahaman mereka juga kurang dinamik dan statik. Antara ciri mereka yang berpemikiran egosentrik ini adalah selalu bercakap sendiri dan pada mereka apa yang orang lain fikir adalah sama seperti yang difikirkan mereka. Sebagai contoh, jika mereka gemarkan ais krim, mereka berfikir bahawa semua pasti sukakannya dan mustahil tidak menyukainya. Lihat Nani Menon, & Rohani Abdullah, *Panduan Mengembangkan Daya Fikir Kanak-Kanak Pra-Sekolah*. (Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2003), 9.

¹³⁸ Ross Vasta, Haith, M. M. & Miller, S. A. *Op. cit.*, h. 262.

¹³⁹ Nani Menon dan Rohani Abdullah, *Panduan Kognitif Kanak-kanak Prasekolah*, 10.

¹⁴⁰ Mohd Sharani Ahmad. *Mengurus Kanak-Kanak yang Susah Belajar*. (Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn Bhd., 2004), 6.

bagi kanak-kanak yang berada pada tahap ini adalah dalam lingkungan tujuh hingga sebelas tahun. Jika dilihat kepada pelbagai kajian, kanak-kanak pada tahap ini dikatakan sebagai tidak lagi berfikir secara egosentrik, tetapi telah mula memahami sedikit unsur-unsur pemikiran logik. Akan tetapi mereka masih belum dapat memahami atau berfikir berkenaan perkara-perkara yang abstrak seperti konsep ketuhanan, makna hidup, hak asasi dan sebagainya.¹⁴¹ Perkara sebegini adalah merupakan perkara yang tidak boleh diobjekkan. Konsep yang konkrit dan objektif sahaja yang mampu mereka fahami pada tahap ini seperti tumbuh-tumbuhan, binatang dan kekotoran.

Piaget menegaskan bahawa kanak-kanak pada tahap ini boleh melaksanakan sesetengah operasi ke atas objek lain tetapi tidak boleh beroperasi ke atas operasi atau proses fikirannya sendiri. Tetapi menurut Islam, pada tahap ini, mereka sudah mampu memahami perkara yang asas dalam Islam umpamanya seperti wudhu' dan solat. Oleh kerana itulah Islam menyuruh mereka melaksanakan solat dan melakukan perkara asas di dalam Islam apabila berusia sepuluh tahun selepas melalui proses mengenal solat di usia tujuh tahun. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud ,

“Suruhlah anak-anak kamu mendirikan solat semasa mereka berumur tujuh tahun. Pukullah mereka (sekiranya ingkar mendirikan solat) semasa mereka berumur sepuluh tahun dan pisahkanlah tempat tidur di antara mereka.”¹⁴²

iv. Operasi Formal (11 tahun ke atas)

Pada tahap ini kanak-kanak sudah mula terpisah dengan dunia kanak-kanak. Walau bagaimanapun, terdapat kesinambungan daripada hasil tiga tahap sebelum ini yang membawa kepada sempurnanya seseorang itu untuk berada di peringkat selanjutnya iaitu remaja, dewasa dan tua. Pada tahap ini, individu sudah berupaya menggunakan serta

¹⁴¹ Norman Williams, *Child Development*. (London: Heinemann Educational Books, 1969), 86.

¹⁴² Al-Imam Ali b. Umar al-Daraqutni, *Sunan Al-Daraqutni*, 1, (Kaherah: Dar al-Mahasin, t.t).230

memahami logik dan konsep-konsep abstrak.¹⁴³ Mereka juga berpotensi menguruskan pelbagai perkara termasuklah melakukan sintesis, penyeluruhan, dan juga hipotesis untuk mencapai sesuatu kesimpulan.

2.5.5 Perkembangan Sosial Kanak-Kanak

Setiap kanak-kanak pastinya tidak hidup dalam keadaan bersendirian. Mereka ini juga memerlukan individu dalam hidup mereka yang akan bertindak sebagai pembimbing dan pemandu arah dalam perkembangan mereka. Melalui orang lain mereka akan belajar, tahu, kenal dan mengalami kehidupan dipersekitaran mereka. Semasa melalui jaringan perhubungan ini, mereka tidak boleh lari dari konflik dan ia jarang dapat dielakkan. Situasi yang berlaku pada kanak-kanak ini juga merupakan salah satu proses perkembangan yang berlaku dalam diri mereka.

Semasa awal kanak-kanak, mereka memerlukan pengalaman untuk menjadi anggota kelompok apabila menghadapi zaman akhir kanak-kanak. Oleh itu, usia awal kanak-kanak perlu dilalui dengan prakelompok, iaitu suatu dasar sosial yang meningkatkan hubungan antara kanak-kanak dengan rakan sebaya mereka. Mereka bukan sahaja boleh bermain bersama bahkan boleh berbicara sesama mereka. Dalam usia begini, kanak-kanak sudah suka berinteraksi dengan manusia berbanding dengan benda dan akan lebih mengembangkan percakapan untuk tujuan sosialnya.¹⁴⁴

Tokoh yang terlibat dalam kajian bahagian sosial kanak-kanak in adalah Erik Erikson.¹⁴⁵ Beliau telah mengemukakan lapan tahap perkembangan manusia yang bermula dengan kanak-kanak sehinggalah zaman tua individu itu. Setiap satunya akan

¹⁴³ Mahmood Nazar Mohamad, *Pengantar psikologi: satu pengenalan asas kepada jiwa dan tingkah laku manusia*, 204.

¹⁴⁴ Elizabeth Bergner Hurlock, *Instructor's Manual to Accompany "Developmental Psychology, a Life-span Approach"*, 117.

¹⁴⁵ Mahmood Nazar Mohamad, *Pengantar psikologi: satu pengenalan asas kepada jiwa dan tingkah laku manusia*, 209.

menghadapi konflik yang tersendiri sehingga membawa seseorang individu ke tahap yang seterusnya. Jika individu tidak dapat melepasi konflik ini, maka akan wujud masalah pada peringkat yang seterusnya lalu membentuk personaliti seseorang itu.

Tahap pertama melibatkan konflik percaya atau tidak percaya¹⁴⁶ bayi dalam lingkungan sehari sehingga satu tahun.¹⁴⁷ Tahap kedua pula meletakkan kanak-kanak yang berumur satu hingga tiga tahun yang akan menghadapi konflik di antara menunjukkan sifat autonomi atau pun berasa ragu tentang persekitarannya.¹⁴⁸ Tahap ketiga pula meletakkan kanak-kanak yang berusia empat ke lima tahun. Tahap ini juga disebut sebagai *Play Age*¹⁴⁹ yang meletakkan konflik antara inisiatif dan juga rasa bersalah. Tahap keempat pula adalah tahap ketika mereka mula bersekolah, iaitu dalam lingkungan umur enam hingga 11 tahun. Konflik yang wujud adalah di antara konflik industri (*Industry*) dan inferioriti (*Inferiority*).¹⁵⁰

Konflik industri merujuk kepada kemahuan serta kecenderungannya untuk mengetahui bagaimanakah sesuatu perkara itu berlaku dan apakah proses-proses yang menyebabkan ia berlaku.¹⁵¹ Perasaan rendah diri pula akan wujud jika kebolehan dan kepakarannya mengendalikan perkara-perkara yang diminati terbatas.

Pada waktu ini, sokongan daripada keluarga, masyarakat dan orang sekelilingnya akan membentuk kanak-kanak menjadi seorang yang lebih produktif dan berkeyakinan. Tetapi jika sebaliknya yang berlaku, maka kanak-kanak ini akan menghadapi masalah dengan mempunyai rasa rendah diri apabila dewasa nanti.

¹⁴⁶ Norman Williams, *Child Development*, 90.

¹⁴⁷ Mahmood Nazar Mohamad, *Pengantar psikologi: satu pengenalan asas kepada jiwa dan tingkah laku manusia*, 208.

¹⁴⁸ Norman Williams, *Child Development*, 91.

¹⁴⁹ *Ibid.*, 92.

¹⁵⁰ *Ibid.*, 93.

¹⁵¹ Mahmood Nazar Mohamad, *Pengantar psikologi: satu pengenalan asas kepada jiwa dan tingkah laku manusia*, 210.

Hurlock¹⁵² mengatakan kanak-kanak mula menunjukkan minat bersosial seawal usia dua hingga tiga tahun. Tetapi interaksi yang berlaku hanya bersifat bermain seajar iaitu bermain sendiri tanpa melibatkan kanak-kanak lain. Interaksi yang berlaku antara kanak-kanak ini dengan kanak-kanak lain adalah bersifat perkelahian. Perkembangan berikutnya adalah bermain secara asosiatif iaitu peniruan terhadap aktiviti kanak-kanak lain. Melalui proses ini, mereka sudah mula membina bentuk permainan secara kooperatif iaitu secara berkelompok, tetapi tidak bersungguh-sungguh untuk bermain bersama. Peniruan yang dilakukan oleh mereka hanya bersifat kekaguman kanak-kanak terhadap kanak-kanak lain.

Dalam usia tiga tahun juga kanak-kanak sudah memahami perasaan dan emosi orang lain. Perasaan simpati terhadap orang lain mula timbul dan semakin banyak hubungan sosial semasa bermain berlaku, maka perasaan simpati ini akan terus cepat berkembang. Jika pada awal bermain mereka bersifat pentingkan diri sendiri, lama-kelamaan sifat tersebut akan berkurang dan mereka sudah mula boleh berkongsi permainan.

Keinginan untuk mengatasi kanak-kanak lain mula dialami oleh kanak-kanak yang berusia 4 tahun. Perkembangan ini berlaku sejak di rumah dan kemudian dibawa ke luar rumah. Mereka beranggapan perilaku nakal dan perilaku mengganggu merupakan cara untuk memperolehi sokongan dan perhatian daripada rakan sebaya.

Oleh itu, dalam perkembangan sosial, faktor-faktor seperti perkembangan moral dan sosial ini sangat penting. Selain itu, faktor perapatan (*Attachment*) dan identifikasi (*Identification*) juga turut memainkan peranan dalam pembentukan awal kanak-kanak.¹⁵³

i. Perapatan

¹⁵²Elizabeth Bergner Hurlock, *Instructor's Manual to Accompany "Developmental Psychology, a Life-span Approach"* (McGraw-Hill, 1980), 117-118.

¹⁵³*Ibid.*

Perapatan diuraikan sebagai kemahuan bayi mendekati individu yang signifikan seperti ibu bapa dan penjaga ketika kanak-kanak memerlukan makanan atau keselesaan. Kanak-kanak berkehendak kepada seseorang supaya dijaga dan disayangi pada tahap perapatan. Pelbagai kajian yang dilakukan menunjukkan yang bayi dan kanak-kanak lebih selesa dengan kehadiran ibu atau penjaganya. Bayi-bayi yang ditemani ibunya lebih banyak meneroka dan menjelajah kawasan sekelilingnya jika dibandingkan dengan yang tidak ditemani ibunya.

John Bowlby (1969) dan Mary Ainsworth (1973) pula mengatakan perapatan adalah satu ikatan kasih sayang yang akrab antara seseorang dengan seseorang yang lain. Perapatan antara ibu dan anak adalah bersifat timbal balik dimana proses perkembangannya berlaku untuk jangka waktu yang panjang. Perkembangan perapatan ini juga akan mempengaruhi kejayaan dan kegagalan perkembangan kognitif, sosial dan emosi kanak-kanak.¹⁵⁴

Bowlby menjelaskan bayi yang baru dilahirkan hingga berusia tiga bulan sudah mula memberi gerak balas sosial yang tidak dapat dibezakan. Bayi akan bertindak balas terhadap suara, wajah dan rangsangan sosial yang lain. Semua wajah akan menarik minatnya. Apabila usia mereka meningkat antara tiga hingga tujuh bulan, bayi sudah mula suka kepada individu yang dikenali.¹⁵⁵ Semasa ini perapatan mula terbentuk. Apabila usia mereka meningkat antara tujuh bulan hingga tiga tahun, bayi menjadi rapat dengan seseorang yang pada kebiasaannya ialah ibu mereka sendiri. Apabila mencapai usia 18 bulan, bayi mula rapat dengan beberapa orang lain yang dikenalnya.

¹⁵⁴ Jas Laile Suzana Jaafar, *Pengenalan kepada psikologi kanak-kanak dan remaja*, 102

¹⁵⁵ Jeremy Holmes, *John Bowlby and Attachment Theory* (New York: Routledge, 1993), 103

Perapatan boleh dibahagikan kepada tiga iaitu perapatan selamat, perapatan kerisauan dan penentangan serta perapatan kerisauan dan pengelakan.¹⁵⁶

- i. Perapatan selamat: Hubungan sosial antara ibu dan anak akan membentuk corak interaksi kanak-kanak. Ibu atau penjaga yang memastikan bayinya sentiasa tenang dan baik ragamnya serta pandai memujuk, sering berada bersama bayi dan segera bertindak balas dengan bayinya. Interaksi yang akrab dengan bayi ini akan membentuk sifat positif dan ikatan emosi yang akrab antara bayi dengan ibunya.
- ii. Perapatan kerisauan dan penentangan: Bayi yang tergolong dalam kategori kerisauan dan penentangan ialah bayi yang gagal menerima tahap keharmonian daripada ibunya. Bayi ini kurang mendapat perhatian dan kasih sayang yang diperlukan serta kepuasannya sentiasa tidak dipenuhi.
- iii. Perapatan kerisauan dan pengelakan: Bayi yang tergolong dalam kategori kerisauan dan pengelakan ini ialah bayi yang mendapat perhatian dan kasih-sayang ketika *mood* ibu mereka baik tetapi pada masa yang lain tidak mempedulikan bayi tersebut. Mereka kurang peka dengan kehendak bayi mereka malah sering bersikap kasar.¹⁵⁷ Perkembangan perapatan ini dapat dijelaskan melalui jadual di bawah.

Jadual 2.3 Perkembangan Emosi Dan Sosial Kanak-Kanak Berdasarkan Usia.¹⁵⁸

USIA	PERKEMBANGAN EMOSI DAN SOSIAL KANAK-KANAK
Sehari hingga 1 bulan	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh membezakan wajah, suara dan bau ibu daripada orang lain. • Menunjukkan minat, tidak suka, gembira dan sedih.

¹⁵⁶ Jas Laile Suzana Jaafar, *Pengenalan kepada psikologi kanak-kanak dan remaja*, 135.

¹⁵⁷ Rohani binti Abdullah, *Bayi Cerdik*, 142.

¹⁵⁸ Jas Laile Suzana Jaafar, *Pengenalan kepada psikologi kanak-kanak dan remaja*, 136.

	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh meniru ekspresi muka bagi gembira, terkejut dan sedih • Senyum semasa tidur • Menangis apabila inginkan keperluan fizikal
1 bulan	<ul style="list-style-type: none"> • Menangis kadang-kadang bukan kerana keperluan fizikal
3 bulan	<ul style="list-style-type: none"> • Senyum kepada penjaga • Dapat membezakan marah, terkejut dan sedih • Melibatkan diri dalam interaksi
4 bulan	<ul style="list-style-type: none"> • Menunjukkan sifat marah dan ketawa
7 bulan	<ul style="list-style-type: none"> • Menunjukkan perasaan takut. • Mula memilih orang. • Menunjukkan perapatan yang spesifik. • Kerisauan gharib dan kerisauan perpisahan.
18 hingga 24 bulan	<ul style="list-style-type: none"> • Menunjukkan rasa bersalah, malu dan cemburu. • Gunakan perkataan untuk menjelaskan perasaan.
3 hingga 4 tahun	<ul style="list-style-type: none"> • Senyum kepada rakan sebaya sejawat. • Dapat menjelaskan sebab dan konsekuensi emosi. • Kurang risau untuk berpisah.
6 hingga 7 tahun	<ul style="list-style-type: none"> • Faham bahawa emosi boleh hilang mengikut masa dan bahawa akal dapat mengawal emosi.
10 hingga 12 tahun	<ul style="list-style-type: none"> • Faham bahawa boleh mempunyai dua perasaan dalam satu masa. • Boleh berpura-pura mempunyai emosi tertentu. • Faham bahawa emosi adalah berasaskan keadaan perasaan dalaman.

ii. Identifikasi

Identifikasi ialah metode yang digunakan oleh seseorang untuk mengambil alih ciri-ciri orang lain dan menjadikannya bahagian yang tidak terpisah dari keperibadiannya

sendiri.¹⁵⁹ Ramai pakar psikologi kanak-kanak menyatakan pada tahap kanak-kanak berumur empat tahun, mereka telah mula mempercayai orang sekeliling seperti ibu bapa dan sebagainya.¹⁶⁰ Di sinilah bermulanya proses identifikasi. Freud mengatakan, proses ini berlaku pada kanak-kanak yang cuba melakukan identifikasi kepada penjaga yang sama jantina dengannya dan cuba meniru perbuatan penjaganya.¹⁶¹ Tiap-tiap perkembangan yang dilalui oleh kanak-kanak ini mempunyai implikasi apabila mereka dewasa kelak. Pakar psikologi percaya yang pembentukan tingkah laku, personaliti, trait dan sikap kanak-kanak berkesinambungan dan akan menentukan perkembangan sosial kanak-kanak apabila mereka dewasa kelak.¹⁶²

iii. Kepimpinan

Kanak-kanak juga sudah pandai memilih pemimpin dalam kelompok rakan sebaya mereka. Biasanya pemimpin mereka adalah kanak-kanak yang lebih besar, cerdas dan lebih tua dalam kalangan kelompok mereka. Situasi ini berlaku kerana mereka sudah terbiasa untuk taat kepada arahan orang yang lebih dewasa iaitu ibu bapa mereka. Terdapat dua jenis pemimpin dalam kalangan kanak-kanak iaitu pemimpin yang agak kasar yang kurang memberi perhatian kepada keinginan orang lain dan pemimpin yang mampu memberikan cadangan yang baik. Manakala pemimpin yang kasar akan disingkirkan dan akan kehilangan status kepimpinannya.

2.6 Teori Penggunaan Media Dalam Pendidikan Terhadap Awal kanak-kanak

Deria merupakan sesuatu yang penting kepada manusia untuk memperolehi pengetahuan dan pengalaman langsung dari alam sekitar. Kederiaan atau sensasi ialah satu media

¹⁵⁹ A. Supratiknya (ed.), *Teori-Teori Psikodinamik* (Yogyakarta: Penerbit Kanisius, 1993), 83.

¹⁶⁰ *Ibid.*

¹⁶¹ Shahabuddin Hashim et.al, *Teori Personaliti Dari Perspektif Islam, Timur Dan Barat* (Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn Bhd, 2007), 95.

¹⁶² Hairunnaja Najmuddin, *Membimbing Remaja Memilih Pendidikan & Kerjaya* (Kuala Lumpur: PTS Siri Kaunseling,2003), 62.

untuk manusia berinteraksi dan memahami keadaan alam sekitarnya.¹⁶³ Tanpa kehadiran deria akan menyebabkan otak manusia tidak dapat mendaftarkan rangsangan-rangsangan luaran yang mampu memberi pengetahuan serta pengalaman kepada diri manusia. Manakala rangsangan pula bermaksud sesuatu peristiwa yang mempunyai fizikal. Chaplin (1985) mendefinisikan rangsangan (stimulus) sebagai apa-apa perubahan yang berlaku dalam bentuk tenaga fizikal oleh penerima rangsangan. Cahaya, bunyi, sentuhan dan bau-bauan adalah merupakan rangsangan-rangsangan fizikal.¹⁶⁴

Peranan deria dalam penggunaan media tidak dapat dinafikan kepentingannya. Manusia belajar atau mengumpul ilmu pengetahuan adalah dengan menggunakan deria ataupun pancaindera masing-masing. Deria manusia sentiasa berfungsi untuk mengumpulkan maklumat di sekeliling mereka. Hal ini kerana deria merupakan lorong atau perantaraan pada otak. Lebih banyak lorong atau perantara yang terlibat, maka proses pembelajaran itu akan lebih berkesan dan lebih baik.¹⁶⁵ Manusia mempunyai lima deria iaitu¹⁶⁶:

a) Deria Penglihatan (*visual*).

Struktur mata manusia adalah sama dengan kamera yang digunakan untuk mengambil gambar. Pada amnya, struktur mata dan kamera mempunyai fungsi yang serupa. Tetapi ada faktor yang membezakan kamera dengan mata. Mata menghantar isyarat-isyarat ke otak untuk disimpan, dikodkan, diketahui, dianalisis dan lain-lain lagi. Manakala kamera pula hanya mengambil dan menghasilkan gambar sahaja.

¹⁶³ Mahmood Nazar Mohamed, *Pengantar Psikologi Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah Manusia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001), 59.

¹⁶⁴ *Ibid.*,

¹⁶⁵ Nor Hashimah binti Hashim, Yahya Che Lah, *Panduan Pendidikan Prasekolah* (Selangor: PTS Professional, 2003), 51.

¹⁶⁶ Ab. Ghafar Md. Din, *Prinsip dan Amalan Pengajaran*, 66.

Kanak-kanak menggunakan penglihatan untuk mendapatkan maklumat dan ilmu. Antara aktiviti pembelajaran yang boleh dilakukan dengan menggunakan deria penglihatan iaitu mata seperti melakukan pemerhatian. Pemerhatian dan melihat adalah dua perkara yang berbeza. Pemerhatian melibatkan proses mental dan kadang kala melibatkan penggunaan lebih dari satu deria. Guru-guru sewajarnya memberikan panduan terlebih dahulu kepada para pelajar ketika membuat sesuatu pemerhatian dengan menggalakkan mereka melihat dan memerhati dengan penuh teliti maklumat atau peristiwa yang berlaku.¹⁶⁷ Sebagai contoh kanak-kanak melihat bunga di taman, minta mereka perhatikan jenis bunga, warna bunga dan bentuk bunga. Sesungguhnya pemerhatian bukan sahaja melibatkan deria penglihatan sahaja tetapi juga akan melibatkan deria-deria yang lain sebagai satu pasukan bertindak yang hebat.¹⁶⁸

b) Deria Pendengaran (*auditori*).

Manusia mempunyai sepasang telinga yang terletak di bahagian tepi muka dan ia bertugas mendaftarkan sensasi yang datang dari alam sekeliling. Telinga ialah organ yang menakjubkan kerana kepekaannya pada getaran bunyi yang paling perlahan dan pada masa yang sama mampu mendengar dan menahan bunyi-bunyi yang kuat seperti bunyi muzik dan kapal terbang.¹⁶⁹

Pelbagai aktiviti boleh dilakukan untuk menajamkan deria pendengaran kanak-kanak dan menyediakan pengalaman baru kepada mereka. Antara aktiviti yang biasa dilakukan di prasekolah ialah aktiviti mendengar lagu dan muzik, mendengar bunyi-bunyian seperti bunyi burung, mendengar bacaan doa-doa dan

¹⁶⁷ Nani Menon dan Rohani Abdullah, *Panduan Kognitif Kanak-kanak Prasekolah*, 80.

¹⁶⁸ *Ibid.*

¹⁶⁹ Mahmood Nazar Mohamed, *Pengantar Psikologi Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah Manusia*, 71.

surah-surah. Di samping itu juga, guru sewajarnya sentiasa menyebut perkataan dan ucapan yang baik kepada mereka kerana kanak-kanak sangat peka dengan apa yang diucapkan oleh orang di sekeliling mereka.

c) Deria Menghidu (*smelling*).

Hidung yang menjadi pendaftar segala bau-bauan dapat memberi nikmat kepada manusia juga merupakan satu nikmat yang sukar dilupakan. Sensasi bau ini didaftarkan oleh sel-sel penerima rangsangan yang terletak di dalam rongga organ hidung. Manusia dapat menikmati bau-bauan dengan menghidu molekul-molekul di dalam udara melalui organ hidung. Dengan cara menghidu ini, lebih banyak molekul yang berkaitan dengan bau tersebut didaftarkan oleh sel-sel penerima, dan dengan itu bau yang lebih kuat dapat dialami.¹⁷⁰

Aktiviti menghidu bau harus diberikan kepada kanak-kanak untuk mengetahui bau sebenar sesuatu objek sebagai satu pengalaman langsung kepada mereka. Pengalaman menghidu bau keharuman bunga mawar misalnya, sukar untuk diterangkan oleh guru melainkan memberikan peluang kepada murid-murid untuk mengalaminya sendiri.

d) Deria rasa (*tasting*).

Lidah merupakan sesuatu yang penting dalam kelangsungan hidup manusia kerana ia memberi citarasa kepada makanan dan bahan-bahan laian yang akan masuk ke dalam mulut. Lidah berupaya mendaftar empat jenis rasa iaitu manis, masin, masam dan pahit.¹⁷¹

Deria rasa menggunakan lidah sebagai lorong menyalurkan maklumat ke otak. Antara aktiviti yang boleh dilakukan ialah memberi peluang kepada kanak-

¹⁷⁰ *Ibid.*,

¹⁷¹ Mahmood Nazar Mohamed, *Pengantar Psikologi Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah Manusia*, 77.

kanak supaya merasa buah epal dan buah limau kemudian meminta mereka memberi reaksi tentang rasa buah tersebut.

e) Deria sentuhan (*feeling*).

Sensasi sentuhan berupaya mendaftarkan tiga bentuk rangsangan iaitu suhu, tekanan dan kinestesis.¹⁷² Tiap-tiap bahagian badan mempunyai kepekaan yang berlainan kepada sesuatu tekanan atau suhu. Kanak-kanak menggunakan deria sentuh bagi meneroka dunia yang sangat baru baginya. Pengalaman menyentuh pasir, daun, bunga serta binatang seperti kucing dan arnab adalah pengalaman yang sangat berharga untuk mereka.¹⁷³

Seperti yang telah dijelaskan di atas, pembelajaran kanak-kanak tidak terikat dengan satu penggunaan deria sahaja tetapi melibatkan kombinasi deria kanak-kanak yang lain. Keterlibatan kesemua ataupun mana-mana deria akan membentuk pembelajaran multi-indra ataupun *multy sensory* . Kelima-lima deria ini kemudiannya digabungkan dengan perbuatan dan daya khayalan dan membentuk daya pembelajaran multi-indra.¹⁷⁴

Sesungguhnya tanpa salah satu dari deria yang disebutkan di atas kanak-kanak akan menghadapi sedikit masalah untuk belajar dan berkomunikasi secara normal kerana dalam satu-satu sesi pembelajaran, bukan hanya satu deria sahaja yang terlibat malah kadang-kadang melibatkan lebih dari satu deria.¹⁷⁵

¹⁷² Kinestesis ialah deria yang memberitahu tentang penempatan anggota tubuh secara relatif serta pergerakannya. Rujuk Mahmood Nazar Mohamed, *Pengantar Psikologi Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah Manusia*.

¹⁷³ Mazidah Muhamad, Dr. Noor Hisham MD Nawi, *Indahnya Didikan Awal Anak Cara Islam* (Selangor: PTS Millennia, 2011), 56


¹⁷⁴ Kam Keong Yew, *Bebaskan Kreativiti Anda* (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributirs Sdn Bhd, 2006), 116.

¹⁷⁵ Adelle Jameson Tilton, *Panduan Lengkap Ibu Bapa Kanak-Kanak Dengan Autisme* (Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2014), 42.

2.6.1 Kerangka Teori Kajian

Kerangka teori mengandungi prinsip-prinsip teori yang penting dalam perbincangan. Prinsip-prinsip teori itu berguna untuk membantu memberi gambaran langkah dan arah kerja.¹⁷⁶ Berikut, merupakan kerangka teori kajian yang telah dibina oleh pengkaji yang akan digunakan dalam kajian ini bagi melihat penggunaan media pendidikan dalam Pendidikan Islam terhadap awal kanak-kanak.

Rajah 2.5 menunjukkan kerangka teori proses aliran media yang berlaku dalam proses pengajaran dan pembelajaran.



Berdasarkan Rajah 2.5 di atas, dapat menerangkan kepada kita tentang bagaimana proses pengajaran yang berlaku hasil dari penggunaan media.

a) **Pengajar ataupun guru** berfungsi sebagai pemudah cara semasa mengoperasikan dan mengaplikasikan media pendidikan. Guru ialah individu yang

¹⁷⁶ Zaenal Arifin, *Dasar Pnulisn Karya Ilmiah (Ed.4)*, (Jakarta : Grasindo, 2008), 56.

berperanan besar dalam mendidik, mengajar, mengasuh para pelajar dengan sempurna. Bahkan guru diletakkan di tempat yang mulia dalam Islam iaitu di tempat yang dihormati sesudah para rasul. Pengajar atau pun guru merupakan individu yang penting dalam menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran. Justeru guru sepatutnya mempelbagaikan lagi kaedah pengajaran agar ia lebih menarik dan berkesan kepada para pelajar.¹⁷⁷ Bukan itu sahaja, guru juga sangat berperanan dalam memastikan penyampaian yang diberikan menarik dan dapat diterima baik oleh para pelajar.

Sehubungan itu, guru akan menyampaikan mesej-mesej dalam pengajaran dan pembelajaran menggunakan media yang berfungsi sebagai perantara antara guru dan pelajar untuk menyampaikan ilmu dan maklumat. Media pengajaran yang digunakan akan membantu meningkatkan pemahaman para pelajar tentang perkara yang dipelajari malah meningkatkan minat mereka terhadap ilmu. Oleh itu, pelajar dalam rajah di atas merupakan penerima maklumat dan ilmu yang disampaikan oleh guru.

Menurut Imam al-Ghāzālī dalam *Ihyā' Ulūm al-dīn* terdapat beberapa tanggungjawab dan kewajipan yang perlu ditunaikan oleh seseorang guru, antaranya ialah;

- i. Guru perlu menaruh rasa kasih sayang terhadap murid dan melayan mereka seperti melayan anak sendiri.
- ii. Guru hendaklah tidak berharap supaya jasanya dibalas tetapi mengajar dengan tujuan untuk mencari keredhaan Allah dan mendekati diri kepadaNya di samping sentiasa menyampaikan nasihat kepada para pelajar supaya mendekati diri kepada Allah.
- iii. Guru hendaklah berbicara dengan bahasa yang mudah dan dapat difahami oleh para pelajar. Guru perlu berbicara dengan mereka menurut kadar kemampuan akal para pelajar.

¹⁷⁷ Najeemah Md. Yusof, *Konsep Pendidikan*, 21.

- iv. Para guru hendaklah mengamalkan ilmunya dan amalan hendaklah bertepatan dengan apa yang diajar.

Tidak dapat dinafikan bahawa guru merupakan individu yang penting dalam menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran walaupun hari ini telah terdapat pelbagai alat bantu mengajar ataupun media pendidikan yang canggih. Pasti tanpa guru, media dan alat bantu mengajar yang canggih tidak dapat memberi kesan dan impak yang maksimum.

Peranan guru sebagai tunjang utama dalam memperkasakan dan memajukan bidang pendidikan di negara ini sememangnya tidak dapat dinafikan lagi. Fungsi dan peranan guru dipandang tinggi dan diiktiraf bukan sahaja sebagai penyampai ilmu, jurutera sosial, penyubur perpaduan, pencorak minda, pembangun sahsiah malah sebagai agen perubahan.¹⁷⁸

Untuk merealisasikan kenyataan di atas adalah sangat perlu kepada generasi guru yang berkualiti dan efektif. Ciri- ciri guru efektif ialah¹⁷⁹:

- i. Menentukan objektif pengajaran dan pembelajaran.

Ciri utama guru yang berkesan ialah menentukan objektif pengajaran dan pembelajaran dengan jelas dan saksama berdasarkan keupayaan murid. Sebagai contoh, jika objektif pengajaran pada hari tersebut berhasrat untuk mendedahkan berkenaan dengan cara solat yang betul berkenaan syarat-syarat sah solat, guru seharusnya menggunakan pelbagai kaedah untuk menarik para pelajar terhadap input yang disampaikan.

- ii. Menyediakan rancangan mengajar.

¹⁷⁸ Peranan Guru Jana Transformasi Pendidikan, Utusan Malaysia, http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0514&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_03.htm, 3 Mei 2012.

¹⁷⁹ Guru Efektif dan Peranan Guru dalam Mencapai Objektif Persekolahan Sekolah Rendah: Perspektif Guru Besar, <http://www.ipbl.edu.my/BM/penyelidikan/seminarpapers/2007/Edmanagement/mohdjohdiUIAMfp.pdf>, 3 Mei 2012.

Guru mesti membuat perancangan sebelum memulakan pengajaran dan pembelajaran persediaan mengajar oleh guru akan melibatkan masa yang berbeza mengikut pencapaian murid, kelas, bahan, dan kecekapan guru. Objektif dan isi pelajaran disusun mengikut keutamaan atau kefahaman murid, seperti bermula daripada aspek yang mudah kepada yang lebih sukar, aspek yang berada dalam pengetahuan atau pengalaman murid kepada perkara yang belum berada dalam pengetahuan dan pengalaman mereka. Setiap perkembangan pelajaran diikuti pula oleh aktiviti murid secara terancang dan sebahagainnya spontan.

iii. Kepelbagaian kaedah mengajar

Pembelajaran akan berjalan dengan lancar, menarik dan berkesan sekiranya guru menggunakan pelbagai kaedah yang bersesuaian dengan isi pelajaran dan kemahiran yang akan dicapai oleh murid. Guru perlu “*employ a wide variety of methods*” untuk menyampaikan kandungan pelajaran berbentuk teori dan amali.¹⁸⁰ Guru perlu sentiasa mengubah suai strategi mengikut jangkaan keberkesanan penggunaan sesuatu kaedah. Guru yang berhasrat untuk menjadikan pengajarannya efektif, seharusnya membuat kajian atau penyelidikan mengenai kaedah yang paling sesuai untuk sesuatu isi pelajaran, topik atau kemahiran. Kajian saintifik perlu dibuat untuk menilai kekuatan dan kelemahan kaedah yang digunakan. Guru perlu berkemahiran dalam membuat kajian tindakan atau pemerhatian saintifik.

iv. Keceriaan, interaksi dan penglibatan murid

Guru yang efektif sentiasa berfikir dan merancang aktiviti penglibatan murid-murid dalam pengajaran. Kemahiran berkomunikasi dan interaksi kependidikan pelbagai hala guru dengan murid, murid dengan murid, dan murid dengan guru menjadi teras keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.

¹⁸⁰ Saayah Abu, *Menjadi Guru Tadika*, 168.

v. Kejelasan penyampaian dan penghuraian isi penyampaian.

Guru yang menyampaikan pengajaran dengan jelas dan mudah, akan menjadikan para pelajar lebih beminat dan mengikuti pembelajaran sehingga tamat. Kepelbagaian dalam gaya penyampaian dan bahasa yang mudah difahami serta formula yang mudah akan menjadikan pembelajaran murid bertambah komited dan efektif.

vi. Pengurusan bilik darjah

Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran amat berkait rapat dengan pengurusan bilik darjah yang berdisiplin, susunan meja dan kerusi yang bersesuaian untuk belajar, persekitaran harmoni keilmuan, dan keceriaan wajah ilmun. Oleh itu akan membolehkan guru melaksanakan perancangan pengajaran dengan berkesan dan pencapaian pembelajaran maksimum.¹⁸¹

Robert Glaser mengemukakan model pengajarannya dengan membahagikan proses pengajaran kepada empat komponen utama iaitu objektif pengajaran, pengetahuan sedia ada pelajar, kaedah mengajar dan penilaian. Beliau juga menekankan maklum balas pelajar sebagai aspek penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut beliau, objektif pengajaran harus ditentukan sesuai dengan pengetahuan sedia ada pelajar. Kemudian, kaedah mengajar harus dipilih berdasarkan objektif pengajaran dan pengetahuan sedia ada pelajar. Seterusnya, penilaian harus dijalankan ke atas segala proses pengajaran dengan tujuan untuk mengesan kelemahan, agar guru dapat mengubah suai proses pengajarannya, demi meningkatkan keberkesanan pengajaran pada masa hadapan. Oleh itu, Model Pengajaran Robert Glaser dibina berlandaskan konsep

¹⁸¹ Abdul Sani Yahya et. al *Guru Sebagai Pemimpin*,(Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing, 2007), 12.

pengajaran sebagai suatu proses yang menitikberatkan langkah-langkah pengajaran iaitu perancangan, pelaksanaan, penilaian dan maklum balas.¹⁸²

Pada pandangan pengkaji, Robert Glaser sangat menekankan aspek kefahaman pelajar sehinggakan beliau telah menyusun satu model pengajaran yang lengkap dan sempurna, agar pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan oleh guru diterima dengan baik dan mampu dihadap dengan sempurna.

b) **Media pendidikan** akan digunakan oleh guru untuk menyampaikan pengajaran. Guru akan menyediakan dan menggunakan media pendidikan untuk meningkatkan kefahaman para pelajar tentang apa yang diajar. Media pendidikan yang digunakan oleh guru akan berkait dengan kaedah pengajaran. Kaedah pengajaran ialah suatu tugas ataupun aktiviti yang dirancang oleh guru secara sistematik dan teliti dengan menggunakan kaedah serta teknik mengajar untuk membimbing, memotivasi murid supaya berinisiatif belajar, menguasai pengetahuan dan berkemahiran baru (perubahan). Oleh yang demikian, kaedah pengajaran akan berkait dengan media yang digunakan ataupun sebaliknya. Sebagai contoh, guru menggunakan media realia iaitu bunga raya semasa proses pengajaran tentang bunga raya. Justeru guru boleh menggunakan kaedah pengajaran menggunakan bunga yang dibawa sendiri oleh guru atau membawa para pelajar melawat taman bunga raya.

Terdapat pelbagai jenis media pendidikan yang ada di pasaran negara kita pada hari ini. Pelbagai klasifikasi telah dilakukan untuk memastikan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini kerana setiap jenis media yang diaplikasikan mestilah sesuai dengan isi pembelajaran yang disampaikan. Antara media yang digunakan dalam Islam dan diaplikasikan sendiri oleh Rasulullah dalam pendidikan

¹⁸² R. C. Das, *Science Teaching In Schools* (New Delhi: Sterling Publishers Private Limited, 2007), 85.

ialah menggunakan model, rakaman, simulasi¹⁸³, bahan maujud, bahan alam dan tempat khusus.¹⁸⁴

i. Model sebagai Media Pendidikan

Penggunaan model sama ada model benda hidup atau mati digunakan oleh Rasulullah dalam penerapan pendidikan. Sebagai contoh, seperti yang dinyatakan dalam hadith menceritakan berkenaan bagaimana Rasulullah menjadikan seorang sahabat sebagai model dalam memberikan pengajaran dan pendidikan tentang keikhlasan kepada Allah S.W.T.

Daripada Umar Ibnu al-Khattab r.a katanya: aku mendengar Rasulullah bersabda. "Sesungguhnya setiap amalan itu dengan niat. Dan setiap orang hanya memperoleh apa yang diniatkannya. Sesiapa yang hijrahnya kerana Allah dan Rasul-Nya, maka hijrahnya kepada Allah dan Rasul-Nya. Sesiapa yang hijrahnya kerana dunia, dia akan mendapatnya, atau kerana wanita, dia akan menikahinya. Maka hijrahnya ke arah tujuan di sebalik hijrahnya itu". (Hadith riwayat Bukhari dan Muslim)

Media yang digunakan oleh Rasulullah dalam hadith ini ialah menjadikan model seorang lelaki yang ingin meminang seorang wanita bernama Ummu Qais. Tetapi wanita itu tidak akan menerima pinangan tersebut sehinggalah lelaki itu berhijrah. Peristiwa ini menyebabkan Rasulullah bersabda dengan hadith tersebut dengan menjadikan lelaki itu sebagai model rujukan pengajaran dan pembelajaran.¹⁸⁵

Media seperti ini boleh diterapkan dalam Pendidikan Islam kepada kanak-kanak. Kanak-kanak boleh didedahkan dengan cerita-cerita berkenaan dengan sifat Rasulullah yang patut dicontohi oleh mereka. Sebagai contoh, guru mendedahkan dan menceritakan berkenaan akhlak Rasulullah yang mulia serta patut dicontohi.

¹⁸³ Perbuatan (latihan) yang berasaskan atau menggunakan sesuatu yang direka atau dibuat-buat tetapi yang mirip kepada atau hampir dengan yang sebenarnya; mensimulasikan menghasilkan semula keadaan tertentu untuk tujuan kajian atau latihan: program komputer ~ proses kognitif manusia.

¹⁸⁴ Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri, *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*, 120.

¹⁸⁵ Mustafā al-Khin, *Nūzhāt al-Muttāqin Shārh Riyād al-Sālihīn Min Kālām Sāyyid al-Mursālin*. (Beirut: Muassāh al-Risālāh, 1992), 20.

Rasulullah S.A.W. adalah seorang yang memiliki ketinggian dan keagungan akhlak. Allah S.W.T. memuji Baginda dalam al-Qur'an al-Karim yang bermaksud:

“Dan sesungguhnya kamu benar-benar berbudi pekerti yang agung”

Surah al-Qalam 68:4.

Adab yang baik serta bermoral tinggi juga merupakan “gedung simpanan rahsia agama”. Dengan ini akhlak melambangkan rahsia ketakwaan dan ketinggian agama bagi seseorang.¹⁸⁶

ii. Rakaman sebagai Media Pendidikan

Media rakaman merupakan media yang penting pada zaman Rasulullah S.A.W. Baginda menggunakan media rakaman untuk mendidik dan mengajar para sahabat. Nabi sendiri merakamkan dahulu daripada lidah baginda, kemudian barulah baginda memperdengarkan dengan menggunakan lidah Baginda sendiri. Hal ini samalah juga dengan perkembangan media yang pesat pada zaman ini. Dapat dilihat media rakaman sama ada dalam bentuk alat pandang dengar dan alat dengar membantu dalam proses Pendidikan Islam kepada kanak-kanak. Media rakaman dalam bentuk alat dengar seperti radio, kaset, pita rakaman dan cakera padat (audio). Manakala media rakaman alat pandang dengar pula ialah seperti video, televisyen, cakera padat dan komputer.¹⁸⁷

Di samping itu, guru juga merupakan media rakaman yang masih lagi relevan digunakan sejak dari dulu hinggalah sekarang. Guru akan merakamkan maklumat dan memperdengarkan maklumat tersebut kepada para pelajar. Rakaman atau peringatan yang berulang adalah satu langkah bijak untuk melahirkan generasi berkualiti yang akan mewarisi perjuangan Islam kelak. Guru yang berkualiti akan

¹⁸⁶ Asming Yalawae, Ahmad Farid bin Ibrahim “Akhlak Warisan Rasulullah S.A.W Membawa Kemuliaan Umat” <http://myais.fsktm.um.edu.my/8029/1/JUS-26-05.pdf>.

¹⁸⁷ Ab. Ghafar Md. Din, *Prinsip dan Amalan Pengajaran*, 69

berusaha mempelbagaikan kaedah penyampaian dan pengajaran agar proses pengajaran dan pembelajaran lebih menarik dan berkesan.¹⁸⁸

iii. Simulasi sebagai media pendidikan

Simulasi telah digunakan pada zaman Rasulullah lagi. Simulasi ialah merupakan satu gambaran abstrak sesuatu situasi sebenar yang memerlukan pelajar berinteraksi sesama sendiri berdasarkan peranan masing-masing untuk menyelesaikan sesuatu masalah atau isu. Ia merupakan satu situasi yang diwujudkan untuk menyerupai keadaan sebenar dengan cara menggunakan masalah-masalah yang benar-benar wujud atau menyediakan situasi-situasi yang benar-benar wujud di dalam keadaan yang terkawal.¹⁸⁹

Hal ini dapat dibuktikan dalam hadith di bawah:

Daripada Umar katanya “Ketika kami sedang berada di samping Rasulullah s.a.w, tiba-tiba muncul di dalam majlis kami seorang yang sangat putih pakaiannya, sangat hitam rambutnya, tiada kelihatan kesan perjalanan padanya dan tiada siapa pun di antara kami yang mengenalinya. Dia pun duduk menghadap Nabi s.a.w lalu disandarkan dua lututnya kepada dua lutut Nabi s.a.w dan dia meletakkan dua tapak tangannya di atas dua pahanya (Nabi s.a.w)”.Lelaki itu berkata: “Wahai Muhammad, ceritakan kepadaku tentang Islam ”. Rasulullah s.a.w berkata: "Islam itu, engkau mengucap bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan Muhammad itu Rasul-Nya, engkau mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, berpuasa pada bulan Ramadan, mengerjakan haji jika engkau mampu pergi kepadanya". Kata lelaki itu: “Benar”. Kata Umar: “Kami hairan kepadanya, dia tanya dan dia membenarkannya pula”.Lelaki itu berkata lagi: “Ceritakan kepadaku tentang iman”. Nabi s.a.w berkata: "Iaitu bahawa engkau beriman dengan Allah, malaikat, kitab-kitab, rasul-rasul, hari akhirat dan engkau beriman dengan Qadar (takdir), baiknya dan buruknya". Kata lelaki itu: “Benar engkau”.Lelaki itu berkata lagi: “Ceritakan kepadaku tentang ihsan”. Nabi s.a.w bersabda: "Iaitu bahawa engkau menyembah Allah seolah-olah engkau melihat-Nya, kalau engkau tidak dapat melihat-Nya (memang engkau tidak melihat-Nya), maka

¹⁸⁸ Najeemah Md. Yusof, *Konsep Pendidikan*. (Kuala Lumpur:PTS Professional Publishing Sdn. Bhd, 2006), 22

¹⁸⁹ Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=simulasi>, 2 May 2012

sesungguhnya Dia dapat melihat engkau". Kata lelaki itu lagi: "Ceritakan kepadaku tentang kiamat". Nabi s.a.w berkata: "Tidaklah orang yang ditanya itu lebih tahu daripada yang bertanya". Kata lelaki itu: "Ceritakan kepadaku tentang tanda-tandanya". Nabi s.a.w bersabda: "Iaitu hamba melahirkan tuannya dan engkau akan melihat orang yang berkaki ayam, bertelanjang, papa kedana, pengembala kambing berlumba-lumba meninggikan bangunan". Kata perawi: "Dia pun pergi. Aku tinggal beberapa lama". Kemudian dia (Rasulullah) berkata kepadaku: "Kamu tahukah siapa yang bertanya tadi?" Aku pun berkata: "Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui". Sabda Nabi s.a.w: "Itulah Jibril, dia datang kepada kamu untuk mengajar kamu agama kamu".

Berdasarkan media simulasi yang ditunjukkan dalam hadith di atas, Jibril sendiri yang membuat simulasi seolah-olah ingin belajar dengan Rasulullah tentang Islam. Malah Jibril sendiri yang menunjukkan contoh cara duduk, cara bertanya dan cara membenarkan ajaran yang dibawa atau dinyatakan oleh Rasulullah bertujuan untuk memberi kefahaman kepada para sahabat tentang Islam, Iman, Ihsan dan juga tentang hari kiamat.

Dalam konteks Pendidikan Islam kepada kanak-kanak, guru sepatutnya memainkan peranan dalam menjayakan media simulasi ini. Sebagai contoh guru menyuruh para pelajar untuk melakonkan watak seorang doktor dan kemudian guru akan menjelaskan berkenaan tugas doktor kepada para pelajar. Kaedah simulasi ini sebenarnya digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi memberi latihan kepada pelajar supaya mampu melakonkan watak dengan cara yang sistematik, terkawal dan teratur supaya satu-satu isu ataupun masalah yang timbul dalam pembelajaran dapat diselesaikan.¹⁹⁰

¹⁹⁰ Tengku Sarina Aini Tengku Kasim dan Yusmini Md. Yusoff, *Kaedah Mengajar & Kemahiran Interpersonal Guru* (Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd, 2006), 64.

Guru juga dinasihatkan membantu kanak-kanak tetapi hanya setakat yang perlu sahaja. Bantuan yang berlebihan akan mengalakkan pergantungan kanak-kanak kepada guru.¹⁹¹ Mengikut kebiasaan kanak-kanak yang berumur 5 tahun ke atas, mereka mempunyai daya imaginasi yang tinggi. Di peringkat umur ini, mereka lebih berminat untuk mengambil bahagian dengan jenis main fantasi dan main dramatik. Melalui main fantasi, kanak-kanak berpeluang mencipta aktiviti-aktiviti baru yang berada di luar dunia mereka berasaskan imaginasi dan daya kreativiti masing-masing.¹⁹² Justeru media ini sangat bersesuaian dengan sifat kanak-kanak yang gemar berimaginasi.

iv. Bahan Maujud sebagai Media Pendidikan

Penggunaan bahan maujud sebagai media Pendidikan Islam dalam proses pengajaran dan pembelajaran dilihat sangat berkesan. Bahan Maujud ialah sampel bahan pengajaran yang mewakili keadaan atau pengalaman sebenar¹⁹³ atau juga disebut sebagai bahan realia. Bahan realia ialah bahan pengajaran yang merupakan benda sebenar dan bukan lambang seperti gambar, rajah atau model¹⁹⁴. Contoh media maujud atau media realia seperti ayam, bunga, kucing, batu, pokok, daun dan banyak lagi. Di bawah ini disertakan beberapa contoh media maujud atau media realia.


Gambar 2.1: Contoh media maujud atau realia

¹⁹¹ Haliza Hamzah et.al *Perkembangan Kanak-kanak Untuk Program Perguruan Pendidikan Rendah Pengajian empat tahun*. (Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd,2008), 27.

¹⁹² Choong Lean Keow *Murid dan Alam Belajar*. (Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd, 2011), 33

¹⁹³ Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=maujud&id=+Cari>, 1 May 2012.

¹⁹⁴ Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=realia>, 1 May 2012.



Bahan maujud atau realia telah digunakan oleh Rasulullah untuk mengajar tentang pengharaman sutera dan emas kepada orang lelaki dengan menunjukkan contoh sutera dan emas di tangannya sebagaimana hadith yang diriwayatkan daripada Saidina Alī bin Abi Tālib.¹⁹⁵

Rasulullah membawa sutera di tangan kirinya dan emas di tangan kanannya, kemudian baginda mengangkatnya dengan kedua tangannya sambil bersabda: “sesungguhnya kedua-dua ini adalah haram atas kaum lelaki umatku.

Berdasarkan hadith di atas dapat diketahui bahawa tujuan Rasulullah membawa bersama emas dan sutera di tangan adalah bertujuan untuk menambahkan lagi kefahaman serta memberi kesan yang lebih mendalam kepada para sahabat berkenaan dengan pengharaman kedua-dua barang tersebut untuk digunakan oleh lelaki.¹⁹⁶ Dalam konteks Pendidikan Islam kepada kanak-kanak, media ini dilihat sangat berkesan berdasarkan pendapat ahli psikologi kognitif seperti Piaget bahawa

¹⁹⁵ Abu Dāwud, Imām (1994). *Sunan Abi Dawūd*. Jil 1-2. Beirut: Dar Al-Fikr, h.2

¹⁹⁶ Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri, *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. 125.

apabila kanak-kanak dapat memanipulasi bahan-bahan maujud dalam persekitaran masing-masing, kefahaman mereka akan meningkat, seterusnya menjadikan mereka lebih berupaya untuk menerima pengajaran dan pembelajaran dengan lebih tepat. Hal ini kerana, apabila mereka didedahkan dengan objek yang sebenar, mereka lebih mudah memahami sifat sebenar objek tersebut seperti tajam, nipis, tebal dan ringan.¹⁹⁷

v. Bahan Alam Sebagai Media Pendidikan Islam

Bahan Alam digunakan oleh Rasulullah sebagai media Pendidikan Islam kepada para sahabat dalam menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran. Contohnya, Rasulullah telah menggunakan bulan sebagai media dalam menerangkan pengajaran berkenaan akidah kepada sahabat. Baginda menggunakan media bahan alam dalam hadith yang bermaksud¹⁹⁸:

Daripada Jarir b. Abdullah r.a katanya: Sedang kami bersama nabi, ketika baginda melihat bulan pada malam bulan terang, tiba-tiba baginda bersabda, “ ketahuilah bahawa kamu akan melihat tuhanmu sebagaimana kaqmu melihat (bulan) ini. Tidak ada halangan yang menutupimu ketika melihat-Nya.”

Hadith ini menunjukkan bagaimana baginda membandingkan kejelasan orang di dalam syurga melihat Allah. Umpama mereka melihat jelasnya bulan pada malam purnama¹⁹⁹. Pendekatan ini juga sangat sesuai untuk diaplikasikan kepada kanak-kanak dalam proses pengajaran Pendidikan Islam . Sebagai contoh, kanak-kanak diberi peluang untuk bermain dengan alam semulajadi dan guru memainkan peranan dalam memberikan pemahaman yang lebih mendalam kepada para pelajar.

vi. Tempat khusus sebagai Media Pendidikan Islam

¹⁹⁷ Choong Lean Keow *Murid dan Alam Belajar*, 22.

¹⁹⁸ Al-Bukhāri (1994), *Ṣahih Al-Bukhāri*, Jil 1-5 Beirut: Dār al-Fikr, h.6.

¹⁹⁹ Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri, *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran.*, 125.

Allah dan Rasulullah menggunakan tempat khusus untuk dijadikan sebagai media pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam. Sebagai contoh, baginda menggunakan tanah perkuburan sebagai media Pendidikan Islam. Rasulullah bersabda²⁰⁰:

Daripada Buraidah r.a daripada bapanya, katanya, Rasulullah bersabda, “aku dulu melarang kamu daripada menziarahi kubur, sekarang ziarahlah kubur.”

Berdasarkan hadith di atas, tanah perkuburan telah digunakan sebagai media untuk menyampaikan Pendidikan Islam yang lebih berkesan kepada para sahabat. Manakala media tempat khusus yang sesuai untuk diterapkan kepada kanak-kanak adalah seperti lawatan ke muzium dan Zoo Negara. Zoo yang dilawati oleh kanak-kanak boleh memberi pengalaman langsung kepada mereka. Hal ini kerana, pembelajaran kanak-kanak akan lebih berkesan sekiranya mereka belajar melalui pengalaman langsung.²⁰¹ Sebagai contoh, guru ingin mendedahkan kepada pelajar tentang jenis-jenis binatang yang terdiri dari pelbagai rupa bentuk, saiz dan warna. Kanak-kanak akan lebih mudah dan memahami apa yang dipelajari berbanding dengan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas sahaja.²⁰²

Selain daripada Media Pendidikan yang telah diaplikasikan oleh Rasulullah terdapat juga pelbagai lagi media lain yang mampu membantu dalam proses pengajaran. Kepelbagaian jenis Media Pendidikan merupakan satu perkembangan yang bagus kepada institusi pendidikan negara. Secara amnya Media Pendidikan boleh dikelaskan kepada empat jenis iaitu sumber asas, bukan elektronik, elektronik

²⁰⁰ Muslim, Abu Husaīn Muslim b. al-Hajjaaj b. Muslim al-Qusyairi al-Naisabūri (2001), Ṣahih Muslim. Beirut: al-Maktābah al-Asriyyah, h:2

²⁰¹ Choong Lean Keow *Murid dan Alam Belajar*, 21

²⁰² *Ibid.*,22

dan yang bercorak pengalaman.²⁰³ Sumber asas yang dimaksudkan ialah media asas seperti papan gulung, papan tulis, kad imbas, buku latihan dan guru.²⁰⁴ Manakala media bukan elektronik pula terdiri daripada buku, model, patung, gambar, lukisan, carta gambar rajah, graf, poster, glob dan kartun.²⁰⁵ Seterusnya media elektronik pula ialah alat-alat yang menggunakan kuasa bateri atau elektrik seperti radio, perakam kaset, televisyen, perakam video, projektor dan komputer.²⁰⁶ Selanjutnya berkenaan dengan sumber bercorak pengalaman. Sebagai contoh, lakonan, pentomin, lawatan, projek pameran dan bahan dari alam sekitar.²⁰⁷

Manakala menurut Abdul Ghafar Md. Din,²⁰⁸ Media pendidikan boleh di kelaskan berdasarkan pancaindera atau deria manusia yang terlibat semasa media itu digunakan iaitu; Media pandang yang melibatkan deria penglihatan atau mata seperti gambar dan bahan bercetak, media dengar ialah media yang melibatkan pendengaran iaitu telinga seperti radio dan pita rakaman dan alat pandang dengar pula ialah media yang melibatkan kedua-dua deria seperti televisyen dan komputer.

Tambahan lagi, media pendidikan juga terbentuk dari aktiviti permainan yang diwujudkan untuk merangsang perkembangan kanak-kanak. Terdapat pelbagai Media Pendidikan yang berorientasikan permainan yang akan membantu menambahkan lagi minat kanak-kanak untuk belajar. Justeru itu, Media Pendidikan adalah sangat sesuai untuk diaplikasikan di dalam sistem pendidikan prasekolah kerana Malaysia menekankan pembelajaran melalui keseronokan atau *Fun Learning*. Oleh itu dapat kita katakan bahawa permainan atau bermain dapat

²⁰³ Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri, *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran.*, 127.

²⁰⁴ Kamaruddin Husin dan Siti Hajar Abdul Aziz *Pedagogi Untuk Asas Pendidikan.* (Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd, 2003), 376.

²⁰⁵ *Ibid.*, 376.

²⁰⁶ Ab. Ghafar Md. Din, *Prinsip dan Amalan Pengajaran*, 70.

²⁰⁷ Kamaruddin Husin dan Siti Hajar Abdul Aziz, *Pedagogi Untuk Asas Pendidikan*, 130.

²⁰⁸ Ab. Ghafar Md. Din, *Prinsip dan Amalan Pengajaran*, 69.

membantu kanak-kanak dalam pembelajaran mereka khususnya dalam penggunaan media pendidikan yang sesuai dalam sesuatu permainan.²⁰⁹ Main dalam konteks kanak-kanak bermaksud semua aktiviti yang menyeronokkan di mana matlamatnya lebih bertumpu kepada penglibatan kanak-kanak dalam proses bermain berbanding dengan pencapaian hasil pembelajaran.²¹⁰ Selain itu, bermain juga merupakan sesuatu yang semula jadi dan spontan kepada kanak-kanak di samping membantu perkembangan kognitif, imaginasi dan psikomotor kanak-kanak.

Bermain akan membantu kanak-kanak untuk lebih memahami aktiviti di sekitar mereka seperti aktiviti bermain meniup belon sabun dapat membantu mereka mengetahui sifat sabun yang licin dan melekat. Oleh itu kanak-kanak belajar melalui penglibatan secara terus dan pengalaman langsung yang diperolehi daripada aktiviti bermain. Manakala bermain juga mampu membentuk keyakinan diri dan personaliti melalui kerjasama, berkongsi, mengikut peraturan, inisiatif dan kesedaran berkaitan kebersihan. Kebolehan fizikal juga dapat ditingkatkan daripada aspek moto kasar dan moto halus diri kanak-kanak dan mampu menjadi platform untuk kanak-kanak meluahkan perasaan marah, gembira dan geram melalui aktiviti bermain ini.²¹¹

Justeru pemilihan permainan yang sesuai berdasarkan usia dan perkembangan kanak-kanak adalah sangat penting. Rajah di bawah menerangkan tentang jenis dan ciri-ciri permainan pada tahap perkembangan kanak-kanak yang berbeza.²¹²

²⁰⁹ Mohd. Sharani Ahmad *Psikologi Kanak-Kanak*. (Batu Caves: PTS Profesional, 2006), 171.

²¹⁰ Choong Lean Keow *Murid dan Alam Belajar*, 24.

²¹¹ Mohd. Sharani Ahmad *Psikologi Kanak-Kanak*, 171.

²¹² Choong Lean Keow *Murid dan Alam Belajar*, 27.

Jadual 2.4 Tahap Perkembangan Kanak-Kanak Dan Jenis Serta Ciri-Ciri Yang Sesuai.

TAHAP PERKEMBANGAN	JENIS DAN CIRI-CIRI MAIN
1 hari hingga 18 bulan	<p>Main sensori- motor/ praktis Bertujuan untuk memberi ransangan kepada pancaindera. Alat mainan biasanya berwarna-warni, mengeluarkan bunyi kuat dan boleh dimanipulasi; Contoh: Alat detar, bola lembut, kotak aktiviti, blok dan gelung</p>
18 bulan hingga 3 tahun	<p>Main beraksi Merangkumi aktiviti-aktiviti berlari, melompat, memanjat dan menunggang; Contoh: Basikal kecil empat roda, bola besar, kotak pasir, kolam renang mudah alih, blok seperti Lego, tanah liat, alat muzik seperti tamborin dan dram.</p>
3 hingga 6 tahun	<p>Main berimajinasi, berunsur pura-pura dan bersifat sosio-dramatik Contoh: pelbagai jenis alat mainan yang menyerupai alat asli seperti telefon, perkakasan dapur, kit perubatan, patung, bahan seni lukis dan basikal.</p>
6 hingga 9 tahun	<p>Main yang lebih mencabar dari segi intelek, psikomoto dan kreativiti. Contoh: Main dam, Sahiba, Monopoli, kasut roda, permainan bola dan kraftangan</p>

Justeru media pendidikan merupakan alat untuk memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran. Banyak faedah yang akan diperoleh oleh guru dan pelajar sekiranya media tersebut diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah.²¹³ Walaupun pada hakikatnya, penyediaan Media Pendidikan memerlukan tambahan masa dan komitmen pengajar untuk menyediakan Media Pendidikan yang terbaik untuk para pelajar mereka tetapi kesan

²¹³ Salhah Abdullah, *Kecerdasan Pelbagai- Aplikasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran* (Kuala Lumpur: PTS Profesional dan Publishing, 2009),58.

penggunaan Media Pendidikan adalah sangat efektif. Justeru antara peranan ataupun fungsi media pendidikan ini ialah:

i. Menerangkan sesuatu konsep dan memberi gambaran yang jelas

Media pendidikan membantu guru dalam menerangkan kepada para pelajar tentang konsep sesuatu topik yang diajar dengan lebih jelas lagi. Hal ini kerana, ada kalanya penerangan secara lisan tidak mampu memahamkan dengan sepenuhnya kepada para pelajar terutamanya kanak-kanak. Sebagai contoh guru perlu menunjukkan gambar katak supaya gambaran yang diperolehi lebih jelas dan jitu.²¹⁴

ii. Merangsang minat belajar

Penggunaan media mampu meningkatkan minat kanak-kanak khususnya untuk belajar dan berinteraksi dengan orang sekeliling. Pelajar akan lebih memberi perhatian kepada pengajaran yang disampaikan oleh guru sekiranya guru tersebut menggunakan media atau alat bantu mengajar yang sesuai.²¹⁵ sebagai contoh, guru boleh memulakan pengajaran dengan memperdengarkan kepada para pelajar bunyi-bunyian binatang dan para pelajar dikehendaki meneka bunyi binatang tersebut. Kaedah pembelajaran seumpama ini dilihat sangat menarik dan mampu menawan hati kanak-kanak untuk belajar dan lebih memberi fokus di dalam kelas.²¹⁶

iii. Mempelbagaikan kegiatan pengajaran dan pembelajaran.

Matapelajaran Bahasa Melayu akan menjadi bosan sekiranya guru tidak mempelbagaikan kegiatan pengajaran dan pembelajaran. Justeru pengajaran akan lebih berwarna-warni dan tidak membosankan para pelajar dengan adanya kepelbagaian kegiatan pengajaran dan pembelajaran. Sebagai contoh penerangan

²¹⁴ Ab. Ghafar Md. Din, *Prinsip dan Amalan Pengajaran*, 70.

²¹⁵ Chomsin S. Widodo & Jasmad, *Panduan Menyusun Bahan Ajar Basis Kompetensi* (Jakarta: PT Elex Media Komputindo, 2008), 30.

²¹⁶ Ab. Ghafar Md. Din, *Prinsip dan Amalan Pengajaran*, 70.

guru boleh diselang-selikan dengan bahan visual ataupun gambar-gambar yang berkaitan.²¹⁷

iv. Menyediakan pengalaman yang sebenar.

Ada sesetengah alat bantu mengajar ataupun media mampu memberi pengalaman sebenar kepada para pelajar.²¹⁸ Misalnya untuk mengkaji tentang pertumbuhan biji benih, para pelajar akan dibekalkan biji benih yang sebenar dan melakukan sendiri proses penanam benih sehinggalah benih bercambah. Mereka dapat melihat sendiri dan melalui pengalaman yang sebenar dalam percambahan dan pertunasan biji benih.

Maka, dapatlah dirumuskan bahawa Media Pendidikan dapat membantu dalam pengajaran dan pembelajaran. Pelbagai jenis media terdapat di pasaran dan mempunyai ciri-ciri yang berbeza bergantung kepada usia dan tahap para pelajar. Pemilihan media juga bergantung kepada objektif pengajaran dan maklumat yang ingin disampaikan oleh guru.

c) **Pelajar** merupakan kumpulan yang menjadi matlamat utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran iaitu sebagai penerima maklumat dan ilmu. Antara perkembangan-perkembangan yang dikehendaki dalam proses pengajaran dan pembelajaran ialah perkembangan dari segi fizikal, kognitif, emosi, dan sosial (seperti yang telah dijelaskan dalam subtopik yang terdahulu). Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi kefahaman dan daya tarik pelajar terhadap ilmu dan maklumat yang disampaikan oleh guru. Antaranya ialah penggunaan media yang sesuai dan peranan signifikan yang telah dimainkan oleh seseorang guru.

²¹⁷ *Ibid.*

²¹⁸ *Ibid.*

Penggunaan Media Pendidikan untuk prasekolah sewajarnya disesuaikan dengan keupayaan kanak-kanak untuk menerima pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan oleh guru seperti penggunaan Media Pendidikan belajar sambil bermain. Justeru Imam Al-Ghāzāli sangat menekankan aspek bermain kerana bermain adalah sifat semula jadi kanak-kanak. Menurut beliau bermain boleh menyuburkan tubuh yang kecil dan menguatkan otot kanak-kanak di samping dapat mengembirakan dan merehatkan kanak-kanak selepas belajar.²¹⁹ Media Pendidikan kanak-kanak haruslah sesuai dengan perkembangan kognitif, fizikal, rohani, emosi dan sosial kanak-kanak. Pengajaran dan pembelajaran bukan sahaja meliputi mata pelajaran dan pengalaman yang terancang berlaku dalam kelas tetapi juga meliputi semua permainan, kesenian, kebudayaan dan interaksi sosial yang dilakukan oleh kanak-kanak.

Justeru, penggunaan media pendidikan diharap mampu memperkembangkan kemahiran kognitif, fizikal, kerohanian dan sosioemosi kanak-kanak. Kemahiran kognitif merupakan kebolehan individu untuk berfikir, memberi pendapat, memahami, mengingati perkara-perkara yang berlaku di persekitaran masing-masing. Ia melibatkan aktiviti mental seperti ingatan, mengkategorikan, merancang, menaakul, menyelesaikan masalah, mencipta, berimajinasi dan lain-lain. Kemahiran kognitif ini penting untuk kelangsungan hidup seseorang individu khususnya terhadap perkembangan kanak-kanak. Perkembangan kognitif kanak-kanak memberi penekanan terhadap pembinaan pemikiran kanak-kanak. Ia berpusat kepada perubahan pemikiran kanak-kanak yang berlaku dalam satu peringkat perkembangan kepada yang seterusnya.²²⁰

²¹⁹ Imam Ghazali, *Bimbingan Mu'minin: Pada Mencari Redha Rabbila'lamīn*. Terjemahan Syed Ahmad (Semait. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.,1990)

²²⁰ Azizi Yahaya et. All, *Aplikasi Kognitif Dalam Pendidikan* (Pahang: PTS Profesional Publishing Sdn Bhd,2005),61.

Manakala perkembangan fizikal pula ialah perubahan yang berlaku dari segi bentuk dan saiz; kebolehan mengawal pergerakan motor kasar dan halus serta koordinasi anggota badan. Motor kasar adalah berkaitan dengan otot-otot kasar seperti merangkak, memanjat, berjalan dan berlari. Manakala motor halus berkaitan dengan hal yang menggunakan saraf seperti boleh memasukkan benang ke dalam lubang butang, melakar, menggunting dan melukis.²²¹

Selanjutnya, perkembangan emosi pula ialah keupayaan kanak-kanak bergaul, berinteraksi dan meluahkan perasaan mereka. Kanak-kanak semakin membesar dan pastinya perkembangan emosinya berbeza seperti gembira, sedih dan marah. Justeru kanak-kanak haruslah diajar untuk mengawal dan mengurus perasaan mereka dengan betul.²²²

Dari sudut perkembangan yang dihendaki dari aspek kerohanian pula ialah menanamkan akidah yang benar dan memberi penerangan yang ringkas sekadar tahap mereka, seperti mengajarkan mereka tentang Rukun Iman dan Rukun Islam walaupun pada hakikatnya mereka masih belum memahami maksud yang sebenar. Di samping itu juga kerohanian selalunya digabungkan dengan perkembangan moral. Pada tahap awal kanak-kanak adalah waktu yang sesuai untuk menerangkan tentang sifat-sifat yang baik dan terpuji serta sifat-sifat yang sepatutnya dijauhi.

2.7 Kesimpulan

Media pendidikan, bahan bantu mengajar (BBM) atau alat bantu mengajar (ABM) mempunyai maksud dan matlamat yang sama dalam pendidikan iaitu memudahkan kefahaman para pelajar berkenaan pengajaran yang disampaikan oleh

²²¹ Rohani binti Abdullah, Nani binti Menon & Mohd Sharani bin Ahmad, *Panduan Kurikulum Prasekolah*, 115.

²²² Wendy Bowkett, Stephen Bowkett, *100 Panduan Membina Amalan yang Baik dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak* (Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara berhad, 2012), 102.

guru. Perkembangan media pendidikan telah lama bermula sejak zaman Rasulullah lagi dan telah diaplikasikan oleh Rasulullah sendiri kepada para sahabat.²²³ Kehebatan dan kecanggihan media pendidikan bukan penentu sepenuhnya kepada keberkesanan pengajaran dan pembelajaran tetapi juga bergantung kepada kebijaksanaan guru dalam mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran dengan baik berdasarkan pendekatan yang sesuai. Oleh itu, keberkesanan media akan bergantung kepada sejauhmana kebijaksanaan guru untuk memilih dan menggunakan media yang sesuai kepada para pelajar lantaran terdapat kepelbagaian jenis media di pasaran. Penggunaan media yang sesuai serta digabungkan dengan penerangan guru yang menarik akan menghasilkan pembelajaran yang efektif dan berkesan kepada para pelajar. Di samping itu, media pendidikan juga tidak dapat lari dari teori komunikasi kerana ianya saling berkaitan antara satu sama lain.

²²³ Abdurrahman An-Nahlaw, *Pendidikan Islam Di Rumah, Sekolah dan Masyarakat*, 136.